

## RANCANGAN IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA (KEPUJIAN)

### LATAR BELAKANG

Rancangan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) mula ditawarkan oleh Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh pada tahun 1971. Rancangan ini secara khusus menumpukan pengajiannya kepada hal ehwal kemanusiaan mencakupi bidang-bidang peradaban, kebudayaan, pemikiran dan daya cipta. Berdasarkan konsep ini, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh yakin bahawa Rancangan Ijazah ini membolehkan pelajar mengenali masyarakat dan manusia sejagat.

Sebahagian daripada falsafah bidang Pengajian Sastera meliputi kaedah-kaedah mengenal, menganalisis dan menyelesaikan masalah manusia dan kemanusiaan secara menyeluruh. Falsafah ini juga berteraskan masyarakat Malaysia sendiri yang meliputi kebudayaan, sejarah, alam sekitar dan perhubungan. Asas ini diberikan penekanan yang khusus demi kepentingan sumbangan yang membina ke arah pembangunan dan perkembangan peribadi masyarakat Malaysia.

Bidang teras (major) yang ditawarkan bawah Rancangan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) ialah:

GEOGRAFI  
KESUSASTERAAN  
SEJARAH

### STRUKTUR RANCANGAN

Pelajar yang mengikuti Rancangan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) perlu mengumpul **124 unit** untuk keperluan pengijazahan. Jenis kursus dan jumlah unit yang perlu diambil adalah seperti berikut:-

Teras Asas (T)	12 }	73
Teras Bidang (T)	61 }	
Elektif (E)		12
Minor (M)		20
Kursus Universiti (U)		19
		<hr/>
JUMLAH		124
		<hr/>

## PENDAFTARAN KURSUS

### KURSUS TERAS ASAS (12 UNIT)

JMG 101/4	-	Pengantar Geografi
JMK 101/4	-	Pengantar Kesusasteraan
JMS 101/4	-	Pengantar Sejarah

### KURSUS TERAS BIDANG (61 UNIT)

Pelajar perlu memilih SATU bidang sebagai TERAS.

#### Geografi

Bungkusan kursus Geografi terdiri daripada lima komponen iaitu:

- Komponen Falsafah
- Komponen Metodologi
- Komponen Geografi Manusia
- Komponen Geografi Fizikal
- Komponen Geografi Wilayah

JMG 201/3	-	Kaedah Penyelidikan dalam Geografi
JMG 211/4	-	Geografi Manusia
JMG 212/4	-	Geografi Fizikal
JMG 213E/4	-	<i>Techniques In Geography</i>
JMG 214/4	-	Geografi Wilayah Asia Tenggara & Asia Pasifik
JMG 215/2	-	Pemikiran Geografi
JMG 314/4	-	Geomorfologi
JMG 315/4	-	Hidrologi dan Pengurusan Sumber Air
JMG 316/4	-	Geografi Ekonomi dan Pembangunan
JMG 413E/4	-	<i>Quantitative Geography</i>
JMG 419/4	-	Geografi Bandar dan Petempatan Manusia
JMG 512/4	-	Analisis Bandar dan Wilayah
JMG 516E/4	-	<i>Sustainable Environmental Planning and Management</i>
JMG 517/4	-	Cuaca dan Iklim
JMG 518/4	-	Geografi Pertanian dan Industri Asas Tani
JMG 530/4	-	Projek Kajian Geografi

#### Kesusasteraan

Bungkusan kursus Kesusasteraan terdiri daripada tiga komponen utama iaitu:

- Komponen Teori
- Komponen Kesusasteraan Nusantara
- Komponen Kesusasteraan Asing

JMK 211/3	-	Kritikan Kesusasteraan & Disiplin Bantu
JMK 214/4	-	Kajian Teks Melayu Klasik Terpilih
JMK 219E/4	-	<i>Selected Works of Classical Asian Literature</i>
JMK 221/4	-	Fiksyen Melayu Moden
JMK 222/4	-	Fiksyen Indonesia Moden
JMK 312/3	-	Teori Kesusasteraan Mutakhir: Perspektif Perbandingan
JMK 315E/4	-	<i>The Selected Literary Works of Modern African Literature</i>
JMK 316/4	-	Sastera Rakyat: Teori, Metodologi dan Analisis
JMK 319/3	-	Kaedah Kajian Kesusasteraan
JMK 323/4	-	Puisi Nusantara
JMK 419/4	-	Karya Terpilih Kesusasteraan Asia Moden
JMK 421/4	-	Kesusasteraan dan Cereka Sains
JMK 422/4	-	Sastera Kanak-Kanak dan Remaja
JMK 423/4	-	Kesusasteraan Melayu Klasik Bercorak Islam
JMK 514/4	-	Kajian Perbandingan <i>Genre</i> Kesusasteraan Terpilih
JMK 520/4	-	Projek Kajian Kesusasteraan

## Sejarah

Bungkusan kursus Sejarah terdiri daripada enam komponen iaitu:

- Komponen Teori dan Kaedah
- Komponen Sejarah Malaysia
- Komponen Sejarah Asia Tenggara
- Komponen Sejarah Asia Timur
- Komponen Sejarah Asia Barat
- Komponen Sejarah Dunia Barat

JMS 211/4	-	Sejarah Politik Malaysia Tradisional
JMS 212/4	-	Sejarah Asia Tenggara Tradisional
JMS 213/4	-	Sejarah Politik Malaysia Moden
JMS 214/4	-	Sejarah Asia Tenggara Moden
JMS 216/4	-	Sejarah Ekonomi Malaysia
JMS 313E/4	-	<i>History of Modern Europe</i>
JMS 316E/4	-	<i>History of Islamic Intellectuals</i>
JMS 318/3	-	Dokumen-Dokumen dalam Sejarah Malaysia
JMS 321/4	-	Sejarah Asia Barat
JMS 411/4	-	Teori, Kaedah dan Falsafah Sejarah
JMS 413/3	-	Sejarah India Moden
JMS 414/3	-	Sejarah China Moden
JMS 417/4	-	Pensejarahan Barat Dan Timur
JMS 515E/4	-	<i>History of the United States of America</i>
JMS 516/4	-	Sejarah Sosio-Politik Malaysia: Gerakan Protes
JMS 528/4	-	Sejarah: Kajian Tempatan

Perhatian: **Projek Tahun Akhir (JMS 528/4)** hanya boleh didaftarkan sekiranya pelajar telah memenuhi bilangan unit tahun akhir dan akan berijazah.

## **KURSUS MINOR DALAM RANCANGAN PENGAJIAN (20 UNIT)**

### **Geografi**

- JMG 211/4 - Geografi Manusia
- JMG 212/4 - Geografi Fizikal
- JMG 213/4E - *Techniques in Geography*
- JMG 214/4 - Geografi Wilayah Asia Tenggara & Asia Pasifik
- JMG 316/4 - Geografi Ekonomi dan Pembangunan

### **Kesusasteraan**

- JMK 214/4 - Kajian Teks Melayu Klasik Terpilih
- JMK 221/4 - Fiksyen Melayu Moden
- JMK 222/4 - Fiksyen Indonesia Moden
- JMK 316/4 - Sastera Rakyat: Teori, Metodologi dan Analisis
- JMK 323/4 - Puisi Nusantara

### **Sejarah**

- JMS 211/4 - Sejarah Politik Malaysia Tradisional
- JMS 212/4 - Sejarah Asia Tenggara Tradisional
- JMS 213/4 - Sejarah Politik Malaysia Moden
- JMS 214/4 - Sejarah Asia Tenggara Moden
- JMS 216/4 - Sejarah Ekonomi Malaysia

## **KURSUS MINOR DI LUAR RANCANGAN PENGAJIAN (20 UNIT)**

### **Antropologi-Sosiologi**

- JKA 101/4 - Pengantar Antropologi/Sosiologi
- JKA 219/4 - Ketaksamaan Sosial
- JKA 321/4 - Agama dan Hubungan Sosial
- JKA 315/4 - Isu-Isu Perbandaran di Negara Membangun
- JKA 518/4 - Penyelewengan, Konflik dan Pengawalan Sosial

### **Ekonomi**

- JKE 101/4 - Pengantar Ekonomi
- JKE 213/4 - Wang dan Pembankan
- JKE 215/4 - Mikroekonomi
- JKE 216/4 - Makroekonomi
- JKE 414/4 - Ekonomi Malaysia

### **Sains Politik**

- JKP 101/4 - Pengantar Sains Politik
- JKP 211/4 - Pentadbiran Awam
- JKP 212/4 - Hubungan Antarabangsa
- JKP 213/4 - Falsafah Politik
- JKP 318/4 - Politik Perbandingan

Semua kursus Sains dan Matematik diajar dalam Bahasa Inggeris.

### **Biology**

- JIB 115/4 - *Plant Diversity*
- JIB 116/4 - *Animal Diversity*
- JIB 221/4 - *Microbiology*
- JIB 222/4 - *Ecology*
- JIB 223/4 - *Cell Biology and Genetics*

### **Physics**

- JIF 103/4 - *Physics I/Practical Ia*
- JIF 104/4 - *Physics II/Practical Ib*
- JIF 211/4 - *Mechanics*
- JIF 212/4 - *Optics*
- JIF 3194 - *Computational Physics*

### **Chemistry**

- JIK 101/4 - *General Chemistry I*
- JIK 102/4 - *General Chemistry II*
- JIK 224/4 - *Organic Chemistry I*
- JIK 226/4 - *Analytical Chemistry I*
- JIK 314/4 - *Chemistry and Environment Pollution*

### **Mathematics**

- JIM 101/4 - *Calculus*
- JIM 104/4 - *Introduction to Statistics*
- JIM 201/4 - *Linear Algebra*
- JIM 211/4 - *Advanced Calculus*
- JIM 212/4 - *Statistical Methods*

### **Pengurusan**

- JTW 104/4 - *Pengantar Pengurusan*
- JTW 114/4 - *Prinsip Perakaunan Kewangan*
- JTW 262/4 - *Prinsip Kewangan*
- JOP 352/4 - *Pengurusan Sumber Manusia*
- JRW 341/4 - *Pemasaran Perkhidmatan*

### **KURSUS ELEKTIF (12 UNIT)**

#### **Untuk pelajar major Geografi sahaja**

- JMG 318/4 - *Globalisasi dan Transformasi Bandar*
- JMG 401/4 - *GIS dalam Pembangunan Lestari*
- JMG 415/4 - *Biogeografi*

### **Untuk pelajar major Kesusasteraan sahaja**

- JMK 324/4 - Penulisan Kreatif
- JMK 415/4 - Kesusasteraan, Budaya dan Media Baru
- JMK 517E/4 - *New Literature in English from the Asia Pacific*

### **Untuk pelajar major Sejarah sahaja**

- JMS 217/4 - Pensejarahan Malaysia
- JMS 412/4 - Sejarah Sosial Malaysia Moden
- JMS 517/4 - Revolusi Industri: Pengalaman Britain 1760 - 1945

## **KURSUS UNIVERSITI (19 UNIT)**

### **English (4 unit)**

- JUE 200/2 - *English I*
- JUE 300/2 - *English II*
- JUE 402/2 - *Writing For Professional Purposes*

Walau bagaimanapun sesetengah pelajar perlu mendaftar *JUE 100/2 - Preparatory English* bergantung kepada taraf pencapaian Bahasa Inggeris masing-masing (rujuk jadual muka surat 57).

### **Bahasa Malaysia (2 unit)**

- JUL 401/2 - Bahasa Malaysia IV

### **Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TISA) (2 unit)**

- JUT 101/2 - Tamadun Islam dan Tamadun Asia

### **Hubungan Etnik (2 Unit)**

- JUH 101/2 - Hubungan Etnik

### **Ko-Kurikulum (3 unit)**

- JUU 103/3 - Pendidikan Jarak Jauh dan Literasi Komputer

### **Kursus Kemahiran (2 unit)**

- JUS 101/2 - Teras Keusahawanan

### **Kursus Pemikiran Kritis (2 unit)**

- JUH 102/2 - Pemikiran Kritis

### **Kursus Etika Profesional (2 unit)**

- JUR 101/2 - Etika Profesional

**STAF AKADEMIK : GEOGRAFI**

Pengerusi Rancangan : Dr. Fatimah Hassan  
B. Sc. (Wisconsin)  
MURP (Virginia Tech)  
Ph.D. (USM)

Pensyarah : Prof. Madya Dr. Habibah Haji Lateh  
B.A. Ed. (Hons.), (USM)  
M.A. (Western Michigan)  
Ph.D. (Bristol)

Prof. Madya Dr. Main Rindam  
B.A. (Hons.), M.A. (UM)  
Ph.D. (USM)

Prof. Madya Dr. Mohamed Zaini Omar  
B.A. (Hons.), M. Sc. (USM)  
Ph.D. (Sheffield)

Prof. Madya Dr. Noresah Hj. Mohd. Shariff  
Dip. PBW (UTM)  
B.A. (Southwestern Louisiana)  
MCRP (Ohio State)  
Ph.D. (Manchester)

Prof. Madya Dr. Wan Rozali Haji Wan Hussin  
B.A. Ed. (Hons.), M. Sc. (USM)  
Ph.D. (USM)

Dr. Izham Mohamad Yusoff  
B.Sc. (Hons.), Ph.D. (UTM)

## SENARAI KURSUS GEOGRAFI

Bil.	Kod/Tajuk Kursus	Asas-Asas Penilaian (%)			
		Unit	Kerja Kursus	Pep. Akhir	Asas-Asas Menilai Kerja Kursus
1.	JMG 101 - Pengantar Geografi	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
2.	JMG 201 - Kaedah Penyelidikan dalam Geografi	3	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
3.	JMG 211 - Geografi Manusia	4	30	70	15 P.B. 15 Tugasan
4.	JMG 212 - Geografi Fizikal	4	40	60	10 P.B. 30 Projek
5.	JMG 213E - <i>Techniques in Geography</i>	4	40	60	10 Continuous Assessment 15 Project 15 Practical
6.	JMG 214 - Geografi Wilayah Asia Tenggara & Asia Pasifik	4	30	70	15 P.B. 15 Tugasan
7.	JMG 215 - Pemikiran Geografi	2	30	70	15 P.B. 15 Tugasan
8.	JMG 314 - Geomorfologi	4	40	60	30 Projek 10 Amali
9.	JMG 315 - Hidrologi dan Pengurusan Sumber Air	4	40	60	10 P.B. 20 Projek 10 Amali
10.	JMG 316 - Geografi Ekonomi dan Pembangunan	4	30	70	15 P.B. 15 Tugasan
11.	JMG 318 - Globalisasi dan Transformasi Bandar	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
12.	JMG 401 GIS dalam Pembangunan Lestari	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan



Bil.	Kod/Tajuk Kursus	Asas-Asas Penilaian (%)			
		Unit	Kerja Kursus	Pep. Akhir	Asas-Asas Menilai Kerja Kursus
13.	JMG 413E - <i>Quantitative Geography</i>	4	30	70	15 P.B. 15 Tugasan
14.	JMG 415 - Biogeografi	4	40	60	30 Projek 10 Praktikal
15.	JMG 419 - Geografi Bandar dan Petempatan Manusia	4	30	70	15 P.B. 15 Tugasan
16.	JMG 512 - Analisis Bandar dan Wilayah	4	30	70	15 P.B. 15 Tugasan
17.	JMG 516E - <i>Sustainable Environmental Planning and Management</i>	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
18.	JMG 517 - Cuaca dan Iklim	4	40	60	30 Projek 10 Kerja Lapangan
19.	JMG 519 - Geografi Pertanian dan Industri Asas Tani	4	30	70	15 P.B. 15 Tugasan
20.	JMG 530 - Projek Kajian Geografi	4	100	-	100 Laporan

P.B. = Penilaian Berterusan

## **SINOPSIS DAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS GEOGRAFI**

### **JMG 101/4 - PENGANTAR GEOGRAFI**

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada pelajar tentang konsep-konsep dan pendekatan asas dalam bidang geografi. Tumpuan diberikan kepada tema-tema terpilih daripada empat tradisi asas dalam geografi iaitu Tradisi Sains Bumi, Tradisi Manusia-Alam Sekitar, Tradisi Kajian Wilayah dan Tradisi Reruang. Keempat-empat tradisi ini merangkumi cabang-cabang geografi fizikal dan manusia. Di samping itu kesesuaian pendekatan geografi dalam memahami hubungan manusia dengan persekitarannya juga turut dibincangkan.

#### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menjelaskan konsep-konsep asas dalam geografi
- membezakan cabang-cabang bidang ilmu geografi mengikut tradisi geografi
- menggunakan kaedah-kaedah terpilih dalam geografi
- menghubungkan model-model dan teori-teori terpilih dengan realiti alam nyata

### **JMG 201/3 - KAEDAH PENYELIDIKAN DALAM GEOGRAFI**

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada pelajar prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah yang digunakan dalam penyelidikan geografi. Ianya mencakupi teori penyelidikan saintifik, permasalahan dan rekabentuk penyelidikan, kaedah-kaedah pengumpulan data, klasifikasi dan pengukuran data, persampelan, rekabentuk soal-selidik, analisis data, menilai penyelidikan dan menulis laporan.

#### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menjelaskan penyelidikan sebagai satu penghasilan pengetahuan dalam penyelidikan geografi yang berasaskan manusia, ruang dan alam sekitar
- mengenal pasti unsur-unsur penyelidikan
- menjelaskan teknik dan kaedah dalam menjalankan penyelidikan geografi
- menggunakan kaedah statistik dan perisian komputer dalam penyelidikan geografi

### **JMG 211/4 - GEOGRAFI MANUSIA**

Kursus ini merupakan kursus asas dalam geografi yang membincangkan tentang perhubungan manusia dengan alam persekitaran. Hasil daripada perhubungan ini akan mewujudkan pembahagian dunia kepada beberapa peringkat dan tahap pembangunan. Antara tajuk-tajuk yang dikaji ialah penduduk, unsur-unsur sosial dan kebudayaan, peringkat kemajuan manusia, aktiviti-aktiviti manusia, sumber-sumber kemanusiaan dan semulajadi, petempatan, pengangkutan dan pembahagian dunia kepada beberapa bahagian berdasarkan peringkat dan tahap pembangunan.

## **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihalkan pengertian dan konsep perhubungan manusia dengan alam persekitarannya
- mengenal pasti hasil dan kesan daripada interaksi dwihala yang berlaku seperti untuk isu petempatan, penghijrahan, kebudayaan dan perubahan alam isu-isu geografi yang dihadapi dalam kehidupan seharian manusia
- menghuraikan faktor perubahan dan perkembangan yang berlaku dan kesan kepada kewujudan berbagai-bagai isu pembangunan pada skala tempatan, negara, wilayah dan global
- menganalisis maklumat geografi manusia bagi tujuan perancangan masa depan, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan secara berkesan

## **JMG 212/4 - GEOGRAFI FIZIKAL**

Kursus ini merupakan satu kursus untuk membolehkan pelajar mendapat gambaran yang menyeluruh tentang geografi fizikal. Tumpuan utamanya ialah kepada penghargaan alam sekitar terutama di negara kita yang pesat membangun. Penghargaan ini tidak dapat diwujudkan sekiranya proses-proses tindak balas yang berlaku di alam nyata tidak diketahui terlebih dahulu. Oleh itu, pada peringkat permulaan kursus ini akan membincangkan beberapa pendekatan dan konsep-konsep asas dalam kajian geografi fizikal. Kemudian aspek-aspek bumi, atmosfera, iklim dan pengaruh manusia ke atas persekitaran fizikal serta kesan yang timbul akan dibincangkan dengan mendalam. Kursus ini bertujuan untuk menanam minat dan semangat di kalangan pelajar untuk menghargai alam sekitarnya; membantu pelajar memahami proses-proses fizikal yang berlaku dan menghubung-kaitkannya dengan aktiviti-aktiviti manusia; melatih pelajar-pelajar dan memupuk semangat rasa ingin tahu untuk mengkaji bentuk-bentuk bumi yang terjadi dan proses-proses yang terlibat; mengemukakan kepada pelajar kefahaman tentang atmosfera dan proses-proses yang terlibat seperti cuaca dan iklim. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan termasuklah asas dalam geografi fizikal, atmosfera, hidrosfera, litosfera, manusia dan bumi.

## **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- mengenal pasti proses-proses fizikal yang berlaku di atas permukaan bumi dan memadankannya dengan aktiviti-aktiviti manusia
- menerangkan pentingnya sikap kesedaran dan usaha untuk menjaga alam sekitar fizikal
- menghubungkaitkan maklumat tentang atmosfera, litosfera, biosfera dan hidrosfera dalam membentuk satu sistem bumi yang lengkap serta kaitannya dengan kehidupan manusia di muka bumi
- menganalisis kemahiran geografi fizikal yang diperolehi tentang sains bumi dan proses fizikal yang berlaku dalam sektor pekerjaan

## **JMG 213E/4 - TECHNIQUES IN GEOGRAPHY**

*This course introduces students with different techniques in representing geographical data. The topics include map reading, topographic map interpretations, cartography, remote sensing, photogrammetry and geographical information systems (GIS). It is designed with fundamental aspects in understanding topographic maps and the analysis of information in order to derive geographic data. In addition, students will be provided with some basic knowledge on the cartographic techniques of collection and processing geographic data to present in the form of tables, figures and maps. The formation of these figures and maps will be done manually and aided by computer. Students will also be taught on the technology of collecting information from the distance by means of aerial photographs and satellite technologies. Aerial photographs which are obtained via remote sensing technology will be used extensively in the interpretation of spatial information about earth surface. In order to understand the art of interpretation, students will be taught photogrammetry methodology (the technique of measuring quantitatively the location and the width of a particular object on the earth surface), which is a major component in the interpretation of aerial photograph. Images obtained from the satellite which is known as digital image will be used in the interpretation works for comparison purposes.*

### **Learning outcomes**

*Upon completion of this course, students should be able to:*

- *explain the processes and patterns of the physical world and how human actions impact and interact with natural systems*
- *interpret maps and use them to solve geographic problems*
- *comprehend and associate geographic patterns at various spatial scales*
- *solve spatial problems using geographical techniques, such as aerial photography, remote sensing and geographic information systems (GIS)*

## **JMG 214/4 - GEOGRAFI WILAYAH ASIA TENGGARA DAN ASIA PASIFIK**

Kursus ini bertujuan untuk membandingkan dan membezakan ciri-ciri geografi di Asia Tenggara dan Asia Pasifik dalam aspek fizikal dan alam sekitar, pembangunan pertanian dan luar bandar, masalah penduduk, penempatan tanah dan migrasi, perbandaran, perindustrian dan lain-lain isu-isu pembangunan. Penekanan juga diberi dalam aspek penilaian masalah, dasar dan strategi pembangunan di setiap negara yang berkaitan. Kursus ini juga mengkaji aspek-aspek geografi dan mekanisme kerjasama serantau wilayah ASEAN dan dalam konteks yang lebih besar iaitu kerjasama Ekonomi di luar ASEAN dan Asia Pasifik. Kursus geografi wilayah Asia Tenggara dan Asia Pasifik adalah juga merupakan kursus yang dinamik. Selaras dengan perkembangan semasa di Asia Tenggara, penekanan juga ditumpukan terhadap kedudukan ASEAN dalam konteks globalisasi ekonomi, kerjasama ekonomi ASEAN sehingga kini, konsep kerjasama pertumbuhan Segitiga (Growth Triangle), kawasan perdagangan bebas ASEAN (AFTA), kerjasama dalam konteks yang lebih luas iaitu Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan lain-lain yang berkaitan.

## **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihalkan perkembangan geografi negara Asia Tenggara berasaskan tema-tema penduduk, pertanian, urbanisasi, perindustrian setiap negara secara individu dan dari sudut persamaan dan perbezaan
- menerangkan perkembangan geografi negara Asia Tenggara dalam kerangka kerjasama ekonomi ASEAN dan Asia Pasifik
- menganalisis kedinamikan perubahan geografi negara Asia Tenggara berasaskan tema-tema di atas menerusi peredaran masa dalam konteks serantau dan arus persada globalisasi
- menghubungkan peranan Malaysia dalam kerangka kerjasama ekonomi wilayah ASEAN dan Asia Pasifik

## **JMG 215/2 - PEMIKIRAN GEOGRAFI**

Kursus ini akan meneliti proses perkembangan pemikiran geografi dan tradisi asas falsafah geografi. Tinjauan akan diberikan terhadap peranan idea dan hubungannya dengan pemikiran falsafah dan teori saintifik dalam penganalisan konsep geografi. Teras utama proses perkembangan pemikiran geografi adalah berdasarkan perkembangannya menerusi tiga zaman iaitu Zaman Klasik (Yunani-Romawi), Moden (sejak tahun 1800) dan Kontemporari (selepas Perang Dunia Kedua). Sehubungan itu fokus perbincangan adalah terhadap aliran pemikiran yang telah mendasari geografi yang meliputi determinisme, possibilisme, sains ruangan yang bertunjangkan positivisme, aliran tingkahlaku, humanistik, feminisme, radikal, marxist, strukturalisme, realisme dan pasca-modernisme.

## **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihalkan tentang teras utama aliran pemikiran yang telah mendasari bidang geografi sejak zaman Yunani-Romawi, zaman kebangkitan geografi Islam, Zaman Moden hingga ke Zaman Kontemporari
- menjelaskan secara terperinci aliran pemikiran determinisme, wilayah, sains ruangan, tingkahlaku, humanistik, strukturalisme, realisme dan pasca-modernisme yang mendasari arus persada pemikiran geografi
- menganalisis secara kritis hubungan manusia dengan alam sekitar berasaskan kepelbagaian aliran yang mendasari pemikiran geografi

## **JMG 314/4 - GEOMORFOLOGI**

Kursus ini membincangkan dengan mendalam dan terperinci tentang prinsip, proses dan bentuk-bentuk muka bumi dalam sains geomorfologi moden. Sebagai tambahan, kursus ini juga menekankan aspek gunaan iaitu bagaimana geomorfologi boleh

menyumbangkan peranannya dalam sebarang usaha pembangunan projek-projek yang melibatkan perubahan dan gangguan kepada muka bumi. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan ialah: ruang lingkup bidang geomorfologi, geomorfologi struktural, luluhawa, pembentukan cerun, geomorfologi fluvial dan geomorfologi iklim/kawasan.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihalkan konsep geomorfologi dan bentuk-bentuk muka bumi di dunia ini dalam persekitaran yang berbeza
- menjelaskan secara kritis dan saintifik terhadap kepentingan unsur-unsur dan proses-proses geomorfologi dalam menangani masalah alam sekitar.
- menganalisis tentang proses dan bentuk pandang darat fizikal dalam skala lokal dan global
- Menghubungkan kemahiran yang diperolehi tentang sains geomorfologi dalam kehidupan harian

### **JMG 315/4 - HIDROLOGI DAN PENGURUSAN SUMBER AIR**

Air adalah komponen utama dalam alam sekitar. Kawalan ke atas alam sekitar melibatkan sama kawalan ke atas sumber air. Hidrologi memainkan peranan yang penting dalam kawalan dan pengurusan bukan sahaja sumber air tetapi juga sumber alam sekitar. Kursus ini mencakupi aspek-aspek yang berhubungkait dengan sumber air dan alam sekitar. Bermula dengan perbincangan tentang elemen-elemen hidrologi seperti ciri-ciri hidrologi, alam sekitar dan sumber air serta cuaca, ia kemudiannya dikembangkan perbincangannya kepada dua bahagian penting, iaitu tajuk yang bersifat diskriptif dan tajuk yang bersifat kuantitatif. Tajuk-tajuk besar yang akan dibincangkan ialah hujan dan salji, intersepsi dan sejatan, air tanah, air dasar dan air larian. Keseluruhannya kursus ini bertujuan untuk membekalkan pelajar kefahaman tentang proses hidrologi yang bertanggungjawab menghasilkan corak spatial hujan, sejatan, larian permukaan dan aliran air bawah tanah. Untuk memperkenalkan pelajar kepada kaedah mengukur kuantiti dan kualiti air.. Untuk menerangkan strategi yang digunakan dalam mengurus sumber air di Malaysia dan Global.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan interaksi komponen kitaran hidrologi menerusi penghitungan dan mentafsir data hidrologi
- memanipulasi teknik aplikasi tertentu bagi pengertian yang mendalam tentang isu-isu kontemporari berkaitan air
- menghuraikan beberapa teknik untuk mendapatkan data hidrologi menggunakan alatan yang direkabentuk berdasarkan keadaan setempat atau menggunakan alatan sedia ada, seterusnya menghasilkan laporan
- menjelaskan prosedur pengurusan sumber air dan masalah berkaitan dengannya di Malaysia dan pada peringkat global.

## **JMG 316/4 - GEOGRAFI EKONOMI DAN PEMBANGUNAN**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar dengan pelbagai konsep, teori dan amalan yang melibatkan ruang dan sistem ekonomi. Tumpuan kursus ini ialah untuk membincangkan tentang konsep dan model-model asas berkaitan dengan lokasi dan taburan ruang yang melibatkan pelbagai aktiviti ekonomi. Secara khusus, tumpuan dibuat kepada perbezaan antara pelbagai aktiviti ekonomi dengan merujuk kepada teori, prinsip-prinsip lokasi dan contoh-contoh empirikal. Perbincangan juga berkisar kepada ekonomi kapitalis yang melibatkan masyarakat pertanian dan perindustrian Barat dan Timur. Beberapa contoh dari Malaysia, wilayah ASEAN dan dunia juga dikemukakan.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan falsafah dan pemikiran geografi dan pembangunan melalui perkembangannya, organisasi ruang dan hubungannya dengan pelbagai sistem ekonomi dunia
- menghuraikan pelbagai jenis sumber, penggunaan, permasalahan dan pengendalian sumber yang berkesan
- menghubungkan kepentingan pembangunan pengangkutan dalam pertumbuhan ekonomi dengan melibatkan pelbagai jenis pengangkutan
- membandingkan pelbagai dasar pembangunan dalam mengatur strategi ketidakseimbangan ruang ekonomi di Malaysia

## **JMG 318/4 - GLOBALISASI DAN TRANSFORMASI BANDAR**

Kursus ini bertujuan untuk memerihalkan pelajar akan beberapa konsep dan proses berkaitan globalisasi dan hubungkaitannya dengan proses transformasi bandar dalam alaf baru. Selain daripada itu, implikasi proses, hubungkait dan transformasi ini kepada pembangunan dan penyusunan semula ruang kawasan terutama bandar raya untuk memenuhi (dan memanfaatkan) tuntutan sektor ekonomi dan perkhidmatan akan dianalisis dan bincangkan untuk meningkatkan kefahaman pelajar.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihalkan pengertian dan konsep globalisasi dan sektor ekonomi dan perkhidmatan dalam transformasi bandar
- mengenal pasti hasil dan kesan daripada transformasi kepada pembangunan kawasan terutama bandar dan sektor-sektor perkhidmatan dalam isu-isu geografi yang dihadapi dalam kehidupan seharian manusia
- menghuraikan faktor perubahan dan perkembangan globalisasi yang berlaku dan kesan kepada kewujudan berbagai-bagai isu pembangunan pada skala tempatan, negara, wilayah dan global

- menganalisis maklumat transformasi kesan globalisasi dan tuntutan sektor berkaitan bagi tujuan perancangan masa depan, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan secara berkesan.

#### **JMG 401/4 - GIS DALAM PEMBANGUNAN LESTARI**

Kursus ini akan memberi pendedahan kepada pelajar tentang kepentingan serta peranan GIS dalam menyokong aktiviti berkaitan pembangunan lestari. Kursus ini memperluaskan pengetahuan pelajar dengan menghubungkan amalan dalam pembangunan lestari dalam menganalisis dan membuat keputusan perancangan yang berkesan yang melibatkan tiga aspek (komponen) penting iaitu sosial, ekonomi dan alam sekitar (fizikal).

#### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihalkan dan menjelaskan konsep pembangunan lestari dan hubungkaitnya dengan isu ruangan dalam perancangan kawasan
- menjelaskan amalan, teknik dan proses dalam perancangan dan pembangunan yang berasaskan teknologi maklumat semasa
- menghuraikan perubahan dan perkembangan ruangan yang berlaku dan kesan kepada persekitaran ruang
- menganalisis maklumat yang melibatkan komponen utama serta membincang dan membentangkan isu-isu berkaitan pembangunan lestari

#### **JMG 413E/4 - QUANTITATIVE GEOGRAPHY**

*This course is an introductory course on how geographers utilize quantitative techniques in analyzing geographical data. The topics include data collection and data sampling, the nature of quantitative data, statistical distributions, probability, inferential statistics, hypothesis testing, correlation and regression analysis.*

#### **Learning outcomes**

*Upon completion of this course, students should be able to:*

- *explain the meaning, purpose, and use of statistics in geographical research*
- *explore the basic spatial statistical techniques in geographical research*
- *apply statistical techniques in real geographical problems*
- *use computer spreadsheets (EXCEL), statistical packages such as SPSS and GIS to simplify geographic problem solving*



## **JMG 415/4 - BIOGEOGRAFI**

Memberi kefahaman tentang proses biogeografi dari aspek biosfera (taburan hidupan dan aspek-aspek yang berkenaan di permukaan bumi) dari perspektif geografi. Konsep biodiversiti yang berkait rapat dengan proses biogeokimia dan aliran tenaga serta kepentingan biodiversiti dalam imbalan persekitaran juga akan di bincang dan dinilai agar pelajar lebih prihatin dan memahami kepentingan biogeografi pada persekitaran dan manusia sejagat.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan isu utama dalam biogeografi seperti konsep ekologi, dunia biotik dan interaksi persekitaran
- menjelaskan konsep asas dan skop dalam biogeografi seperti biogeokimia, biodiversiti dan kesan aktiviti manusia ke atas alam sekeliling dan pembangunan lestari
- menganalisis persekitaran, perkembangan dan pengurusan pembangunan kawasan untuk biogeografi melalui aplikasi teknologi semasa di peringkat tempatan, negeri dan negara

## **JMG 419/4 - GEOGRAFI BANDAR DAN PETEMPATAN MANUSIA**

Kursus ini mengkaji fenomena bandar dan petempatan manusia yang merangkumi asal usul, peranan, sifat dan bentuk pelbagai petempatan yang mempunyai hubungan dengan alam persekitaran, latar belakang ekonomi dan pola kegunaan tanah. Perbincangan juga melibatkan fungsi dan jenis bandar, teori dan teknik kajian perkembangan bandar, kesan ruangan proses perbandaran dan sumbangannya dalam pelbagai aspek perancangan bandar.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihalkan perkembangan Geografi Bandar dan Petempatan Manusia sebagai satu cabang bidang ilmu geografi
- menghuraikan pendekatan-pendekatan yang digunakan dalam kajian Petempatan Manusia
- menghuraikan kelainan morfologi bandar berpandukan Model Struktur Bandar
- membezakan ketidakseimbangan taburan petempatan berdasarkan kajian perancangan wilayah dan bandar.

## **JMG 512/4 - ANALISIS BANDAR DAN WILAYAH**

Kursus ini membincangkan tajuk-tajuk seperti asas-asas perancangan bandar dan wilayah yang meliputi aspek-aspek sejarah, teori dan prinsip-prinsip perancangan. Pelajar juga didedahkan dengan amalan perancangan dan analisis semasa, misalnya amalan, teknik-teknik dan kawalan perancangan bandar melalui penggunaan teknologi maklumat seperti Sistem Maklumat Geografi. Sistem Maklumat Geografi dalam perancangan bandar dan wilayah penting digunakan bagi membantu menganalisis dan membuat keputusan perancangan yang berkesan.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihalkan asas perancangan yang merangkumi aspek sejarah, konsep, teori dan prinsip-prinsip dalam perancangan
- menjelaskan proses, teknik dalam perancangan, kawalan perancangan, dasar-dasar pengwilayahan dan strategi pembangunan yang menjadi amalan lokal dan global
- menghuraikan perubahan dan perkembangan perancangan yang berlaku dan kesan kepada persekitaran ruang
- menganalisis maklumat perancangan dengan menggunakan teknologi maklumat berkomputer misalnya SPSS dan Sistem Maklumat Geografi (GIS) bagi tujuan mengawal perancangan masa depan dan membuat keputusan secara berkesan

## **JMG 516E/4 – SUSTAINABLE ENVIRONMENTAL PLANNING AND MANAGEMENT**

*This course consists of two parts. The first part focuses on selected aspects of the environmental planning including man's utilization of the environment, the execution of the planned environment and the procedure for an environmental impact assessment. The second part deals with how man manage and utilizes the environment and the need for maintaining a sustainable environment and adequate resources supply for the future generations in a sustainable manner.*

### **Learning outcomes**

*Upon completion of this course, students should be able to:*

- *explain basic current concepts in sustainable environmental planning, the scope and relevance of environment planning and management*
- *investigate the legislative and policy context of environmental planning and resources management at local, state and national levels*
- *identify and analysis main ideas and issues on sustainable environmental planning and management*

## **JMG 517/4 - CUACA DAN IKLIM**

Menerusi kursus ini pelajar akan didedahkan kepada prinsip-prinsip tentang cuaca dan iklim yang melibatkan aspek- aspek komposisi dan evolusi atmosfera, imbalan tenaga sistem atmosfera bumi, perubahan isolasi harian, musiman, hukum-hukum gas, prinsip-prinsip hidrostatik, termodinamik, kestabilan udara dan hujan. Secara khusus pelajar dikehendaki membincangkan aspek-aspek penting tentang struktur atmosfera seperti hukum-hukum gas, prinsip-prinsip hidrostatik dan termodinamik serta kestabilan udara dan kerapan. Turut diberi perhatian ialah tentang sistem-sistem cuaca dan iklim, iklim gunaan, contohnya iklim pertanian dan perubahan iklim. Pelajar juga akan dilengkapi dengan pembelajaran tentang kaedah-kaedah untuk menjalankan penyelidikan cuaca dan iklim tempatan sesuai sebagai persediaan untuk menghasilkan pelajar mampan.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menyatakan kepentingan cuaca dan iklim dalam kehidupan dan pembangunan manusia
- menerangkan secara saintifik ketika membuat analisis tentang fenomena cuaca dan iklim sedunia
- memanipulasi interaksi antara manusia dengan cuaca dan iklim sebagai jalan penyelesaian bagi menangani masalah yang timbul seperti banjir, kemarau, perubahan iklim dan cuaca
- memilih dan mengaplikasikan kemahiran yang diperolehi tentang kajian iklim gunaan untuk bekerja di sektor industri atau kerajaan

## **JMG 518/4 - GEOGRAFI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Kursus ini bertujuan membincangkan kedinamikan pertanian sebagai nadi penggerak ekonomi sesebuah negara. Ini diterjemahkan melalui peninjauan dimensi sejarah, aspek ekologi, dimensi sosio-ekonomi, aspek guna tanah dan perancangan pertanian. Sektor pertanian juga mempunyai rantai dengan sektor perindustrian dan ini dilihat menerusi pembangunan industri berasaskan pertanian (*agro-based industry*) dalam penghasilan produk-produk pertanian. Selain itu unsur kelestarian sektor pertanian juga diberi penekanan khususnya dalam aspek peningkatan dan pengendalian kualiti alam sekitar di samping kedinamikan sifat sektor pertanian sebagai penyumbang kepada ekonomi negara.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan pengertian, perkembangan dan pembangunan pertanian berasaskan perspektif sejarah

- menerangkan perkembangan geografi pertanian berasaskan perspektif ekologi, dimensi sosio-ekonomi, gunatanah, aspek perancangan dan sebagainya.
- menghubungkan kedinamikan geografi pertanian berasaskan rantaianya dengan sektor perindustrian dalam konteks industri yang berasaskan pertanian.
- menganalisis aspek kelestarian pertanian dalam konteks peningkatan dan pengkalan alam sekitar yang berkualiti.

#### **JMG 530/4 - PROJEK KAJIAN GEOGRAFI**

Kursus ini merupakan kursus penyelidikan dalam bidang Geografi yang perlu dijalankan oleh pelajar di kawasan terpilih masing-masing dengan berdasarkan tajuk-tajuk yang telah dipersetujui. Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar dengan latihan penyelidikan secara individu sepenuhnya di bawah pengawasan penyelia yang ditetapkan bagi mengaplikasikan teori, konsep dan amalan pelaksanaan yang melibatkan isu dan permasalahan semasa di kawasan tempat tinggal pelajar seluruh negara. Kerja-kerja penyelidikan ini bermula daripada mengenalpasti tajuk-tajuk berkaitan sehinggalah kepada merangka kerja-kerja penyelidikan, penyediaan borang soal selidik, pemilihan metodologi, pemerosesan data, penganalisan dan penyediaan laporan lengkap untuk penilaian akhir.

#### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memilih isu-isu dan permasalahan yang ingin dikaji di kawasan kajian pilihan pelajar masing-masing
- mengguna pakai ilmu yang dipelajari sebelum ini
- mengaplikasi kaedah penyelidikan dalam mengendalikan kerja lapangan, menganalisis data dan kemahiran menulis laporan ilmiah.
- menggabungkan pelbagai konsep dan teori yang menyokong dalam penulisan penyelidikan
- mengaplikasi kajian dalam kehidupan realiti

**STAF AKADEMIK : KESUSASTERAAN**

Pengerusi Rancangan : Dr. Membunga @ Siti Meriam Yaacob  
B.A. (Hons), M.A. (USM)  
Ph.D. (UKM)

Pensyarah : Dr. Chow Sheat Fun  
B.A. (Ed.) (Hons), M.A., Ph.D (USM)  
  
Dr. Sakinah Abu Bakar  
B.A. (Hons), M.A., Ph.D (USM)

## SENARAI KURSUS KESUSASTERAAN

Bil.	Kod/Tajuk Kursus	Asas-Asas Penilaian (%)			
		Unit	Kerja Kursus	Pep. Akhir	Asas-Asas Menilai Kerja Kursus
1.	JMK 101 - Pengantar Kesusasteraan	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
2.	JMK 211 - Kritikan Kesusasteraan dan Disiplin Bantu	3	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
3.	JMK 214 - Kajian Teks Melayu Klasik Terpilih	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
4.	JMK 219E - <i>Selected Works of Classical Asian Literature</i>	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
5.	JMK 221 - Fiksyen Melayu Moden	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
6.	JMK 222 - Fiksyen Indonesia Moden	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
7.	JMK 312 - Teori Kesusasteraan Mutakhir: Perspektif Perbandingan	3	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
8.	JMK 315E - <i>The Selected Literary Works of Modern African Literature</i>	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
9.	JMK 316 - Sastera Rakyat: Teori, Metodologi dan Analisis	4	40	60	20 Tugasan 20 P.B.
10.	JMK 319 - Kaedah Kajian Kesusasteraan	3	100	-	100 Laporan Bertulis

P.B. = Penilaian Berterusan

Bil.	Kod/Tajuk Kursus	Asas-Asas Penilaian (%)			
		Unit	Kerja Kursus	Pep. Akhir	Asas-Asas Menilai Kerja Kursus
11.	JMK 323 - Puisi Nusantara	4	40	60	20 P.B. 20 Tugas
12.	JMK 324 - Penulisan Kreatif	4	50	50	20 P.B. 30 Kreativiti
13.	JMK 415 - Kesusasteraan, Budaya dan Media Baru	4	40	60	20 P.B. 20 Tugas
14.	JMK 419 - Kesusasteraan Asia Moden	4	40	60	20 P.B. 20 Tugas
15.	JMK 421 - Kesusasteraan dan Cereka Sains	4	40	60	20 P.B. 20 Tugas
16.	JMK 422 - Kesusasteraan Kanak-Kanak dan Remaja	4	40	60	20 P.B. 20 Tugas
17.	JMK 423 - Kesusasteraan Melayu Klasik Bercorak Islam	4	40	60	20 P.B. 20 Tugas
18.	JMK 514 - Kajian Perbandingan <i>Genre</i> Kesusasteraan Terpilih	4	40	60	20 P.B. 20 Tugas
19.	<i>JMK 517E - New Literature in English from the Asia Pacific</i>	4	40	60	20 P.B. 20 Tugas
20.	JMK 520 - Projek Kajian Kesusasteraan	4	100	-	100 Laporan Bertulis

P.B. = Penilaian Berterusan

## **SINOPSIS DAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS KESUSASTERAAN**

### **JMK 101/4 - PENGANTAR KESUSASTERAAN**

Kursus ini merupakan pengenalan (pengantar) kepada Ilmu Kesusasteraan; menjelaskan sifat-sifat khas Ilmu Kesusasteraan, cakupan serta matlamatnya, cabang-cabangnya, serta kaedah pengkajian atau pendekatan utamanya. Tumpuan utama kursus ini ialah teori dan apresiasi kesusasteraan yang meliputi hakikat kesusasteraan, proses kreatif, fungsi dan matlamat kesusasteraan dan juga kaedah pengkajiannya. Seterusnya akan dibincangkan dengan lebih terperinci ragam-ragam kesusasteraan seperti prosa dan puisi.

Dengan mempelajari secara kritis asas-asas kesusasteraan berserta analisis ke atas unsur-unsurnya yang berasaskan contoh-contoh yang wajar, para mahasiswa dapat memahami serta menghayati karya sastera secara lebih terbuka dan bersedia untuk mempelajari ilmu kesusasteraan secara lebih khusus dan terperinci.

#### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihail dan membezakan antara karya sastera dengan non-sastera
- menghurai tentang genre dalam bidang kesusasteraan
- membezakan bidang kesusasteraan sebagai bidang ilmiah yang berkaitan dengan bidang-bidang ilmu yang lain

### **JMK 211/3 - KRITIKAN KESUSASTERAAN DAN DISIPLIN BANTU**

Kursus ini bertujuan menyediakan para pelajar dengan beberapa idea, konsep dan kriteria bagi mengapresiasi karya sastera melalui disiplin-bantu yang ada hubungan rapat dengan Ilmu Kesusasteraan. Untuk tujuan tersebut, bahagian pertama kursus akan ditumpukan kepada pertalian antara Ilmu Kesusasteraan dengan disiplin-disiplin bantu seperti falsafah, sejarah, linguistik, psikologi dan sosiologi. Penekanan ialah terhadap kemanfaatan Ilmu Kesusasteraan secara umum dan kritikan sastera secara khusus daripada peminjaman dan penerapan idea-idea dan konsep-konsep utama disiplin-disiplin bantu itu. Bahagian kedua pula akan menyoroti secara terperinci peranan disiplin-disiplin bantu dalam kritikan dan apresiasi karya sastera. Konsep-konsep utama yang mempengaruhi kritikan akan dibicarakan di samping menerapkannya dalam proses mengapresiasi, kreativiti pengarang, pencapaian intrinsik karya dan unsur-unsur lain yang berfungsi untuk meningkatkan mutu karya. Untuk tujuan penerapan ini, karya kreatif pilihan akan digunakan sebagai teks kajian.

#### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihail konsep-konsep teori kritikan kesusasteraan
- menerangkan tentang ciri-ciri teori-teori kritikan
- mewajarkan kaedah dan pendekatan dengan analisis yang bersifat ilmiah
- menghubungkan karya sastera pilihan dengan ilmu bantu yang lain



## **JMK 214/4 - KAJIAN TEKS MELAYU KLASIK TERPILIH**

Kursus ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu tentang teks sastera sejarah dan sastera epik. Bahagian pertama menjurus perbincangan mengenai teks sastera sejarah dan epik; tentang corak kajian terhadap kedua-dua *genre* sastera ini yang dilakukan oleh sarjana-sarjana Barat dan tempatan. Sarjana-sarjana Barat umumnya mengkaji teks sastera sejarah dan epik bercorak historikal; penekanan diberikan terhadap kelahiran teks atau *literary event* serta kebenaran fakta sejarah dan hubungannya dengan teks tertentu. Pendekatan seperti ini mengabaikan aspek teks sastera sejarah dan epik tersebut. Umumnya sarjana-sarjana tempatan pula mempersoalkan kewajaran pendekatan oleh sarjana-sarjana Barat dengan hujah-hujah ilmiah yang konkrit. Daripada hujah-hujah tersebut dapat dibuktikan bahawa sastera sejarah dan epik mempunyai nilai yang amat tinggi sebagai hasil kesusasteraan dan karya berunsur sejarah dari zaman silam. Antara teks sastera sejarah pilihan ialah *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Tuhfat-al-Nafis* dan *Syair Sultan Maulana*. Kajian ke atas teks ini dilakukan dari aspek ekstrinsik dan intrinsik. Dari segi ekstrinsik, dibincangkan secara ringkas sahaja mengenai pengarang dan tarikh teks tersebut dihasilkan. Kajian daripada aspek intrinsik dilakukan menerusi pendekatan struktural atau formalistik. Bahagian Kedua iaitu Sastera Epik akan merujuk antara lain teks epik Melayu pilihan iaitu *Hikayat Hang Tuah*. Ulasan dilakukan dari aspek ekstrinsik dan intrinsik sepertimana yang dibincangkan di dalam teks sastera sejarah di atas.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihal teks Melayu Klasik & membuat perbandingan dengan Sastera Agung
- menerangkan kedudukan teks klasik dalam dunia kesusasteraan
- mengapresiasi dan mengenal pasti/membedakan aspek-aspek budaya dan tradisi dalam teks pilihan

## **JMK 219E/4 - SELECTED WORKS OF CLASSICAL ASIAN LITERATURE**

*This course exposes students to some of the selected works of Asian Classical Literature. Four regions have been identified that is, Iran (Persia), the Indian Sub-Continent, China and Japan. These selected works are representative of their regions and they are among the best works produced. Various issues related to the cultural background from which the texts were produced would be given emphasis.*

### **Learning outcomes**

*Upon completion of this course, students should be able to:*

- *elaborate on the common characteristics of Asian Classical Literature*
- *compare the setting and themes of selected works*
- *analyse the methods employed by the authors to establish the themes*

### **JMK 221/4 - FIKSYEN MELAYU MODEN**

Kursus ini bertujuan mendekati karya-karya terpilih fiksi Melayu moden secara intrinsik, iaitu kajian dari segi struktur, tema, perwatakan, plot, sudut pandangan dan gaya di samping menyentuh juga aspek ekstrinsik yang relevan seperti agama, politik, sosial, psikologi dan aliran-aliran di dalam kesusasteraan. Antara aliran yang akan disentuh termasuklah realisme, naturalisme, eksistensialisme dan kecenderungan ke arah pemikiran 'absurd'. Fakta-fakta di atas dalam teks pilihan akan dipentingkan terutama yang memperlihatkan keistimewaan sama ada dari segi ciptaan, zaman dan idea-idea pengarang.

#### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihai tokoh sastera tanahair dan karya mereka secara mendalam
- menerangkan keperihalan /hakikat kesusasteraan & fungsi karya kesusasteraan kepada masyarakat
- membezakan karya bermanfaat dan karya popular
- mengapresiasi dan membuat penilaian terhadap karya pilihan

### **JMK 222/4 - FIKSYEN INDONESIA MODEN**

Kursus ini bertujuan untuk mengenali karya-karya terpilih dari negara jiran iaitu Indonesia, secara intrinsik dan juga ekstrinsik. Tinjauan secara intrinsik meliputi tema, plot, perwatakan dan sebagainya. Kajian ekstrinsik pula akan memberi perhatian kepada latar belakang sosio-budaya, psikologi, falsafah pemikir, pengaruh politik, agama dan seterusnya. Teks-teks yang dipilih untuk kursus ini akan mengambil kira zaman karya-karya tersebut dihasilkan seperti zaman Angkatan Balai Pustaka, Angkatan Pujangga Baru, Angkatan 45 dan mutakhir.

#### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihai tokoh sastera tanahair dan karya mereka secara mendalam
- menerangkan keperihalan /hakikat kesusasteraan & fungsi karya kesusasteraan kepada masyarakat
- membezakan karya bermanfaat dan karya popular
- mengapresiasi dan membuat penilaian terhadap karya pilihan

### **JMK 312/3 - TEORI KESUSASTERAAN MUTAKHIR: PERSPEKTIF PERBANDINGAN**

Kursus ini memberi tumpuan kepada beberapa aliran teori dalam bidang kesusasteraan, bermula dengan 'strukturalisme' membawa kepada 'post-strukturalisme' (sebagaimana yang diketengahkan oleh Barthes, Kristeva, Lacan, Derrida, deMan, White, Bloom, Hartman dan Miller), serta 'Teori Berorientasikan Pembaca' (yang merangkumi 'fenomenologi' awal, sehingga kepada permasalahan mutakhir seperti 'konvensi

pembacaan' dan `psikologi pembaca'). Selain itu, perkembangan teori kesusasteraan di Malaysia akan turut dibincang. Perbincangan berkenaan akan merujuk antara lain beberapa teori tempatan seperti teori Pengkaedahan Melayu, Teori Puitika Melayu dan Teori Takmilah. Kekuatan dan kelemahan mana-mana aliran teori itu akan diperlihatkan, sama ada secara perbandingan mahupun secara perbandingan menurut `epistemologi' (teori ilmu) yang universal. Penjelasan bagi satu-satu aliran teori itu akan melibatkan terapan ke atas teks kreatif tertentu yang dipilih bersesuaian dengan permasalahan teorinya.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihal perkembangan Teori Barat dan Tempatan serta senario teori kesusasteraan mutakhir
- menghubungkan kaedah pengaplikasian teori terhadap pelbagai genre kesusasteraan pilihan
- menghubungkan teori dalam penulisan kritikan sastera yang baik
- mengapresiasi karya dan membuat aplikasi teori

### **JMK 315E/4 - THE SELECTED LITERARY WORKS OF MODERN AFRICAN LITERATURE**

*The aim of this course is to introduce and expose students to the unique civilization of the people of the African Continent through modern literary works. Focus will be upon the world-view and contemporary issues that contribute to the creative activities. The authors' personal beliefs, views, moral perceptions within their multiple cultures will be highlighted so as to understand the authors' creative intentions. Two main genres, drama and fiction will be studied. Issues on colonization, independence, self identification and self honour of the African Nation will be focused on. Selected works of Chinua Achebe, Ngungi Wa Thiong O, Gabriel Okara, Ayi Kwei Armah and Wole Soyinka will be discussed. In the study of these works, the comparative and structural approaches will be used apart from studies on a few 'contextual' and socio cultural issues that have been highlighted in these works.*

#### **Learning outcomes**

*Upon completion of this course, students should be able to:*

- *discuss the selected works in the context of the early effects of colonialism on the African nation*
- *discuss the authors' critical viewpoints the sociopolitical situation in certain African states after colonialism*
- *elaborate critically on techniques employed to drive home the themes*

### **JMK 316/4 - SASTERA RAKYAT: TEORI, METODOLOGI DAN ANALISIS**

Kursus ini bertujuan menyediakan para pelajar dengan pengetahuan tentang beberapa teori utama dan perkaedahan dalam disiplin *folklore*, (atau Pengkajian Tradisi) dan seterusnya menerapkannya beberapa contoh yang diperolehi daripada sastera rakyat

Nusantara. Perbincangan akan bertitik tolak daripada teori-teori tertentu yang mendasari disiplin *folklore* serta hubungan disiplin ini dengan budaya rakyat di satu pihak dan fenomena sastera di pihak yang lain. Antara teori-teori yang akan disentuh ialah 'nasionalis-ideologis', 'antropologikal-fungsional', komparatif, behavioris, psikologikal, 'formula-lisan', dan 'struktural-morfologikal'. Untuk bahagian penerapan dan analisis, contoh-contoh sastera rakyat Melayu yang akan digunakan meliputi cerita rakyat yang telah dikumpul dalam zaman pra-merdeka sehinggalah beberapa pilihan daripada koleksi sastera rakyat yang telah diperolehi oleh pengkaji-pengkaji zaman selepas merdeka, termasuk contoh-contoh daripada kaum bumiputera Sabah dan Sarawak.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- mengenal pasti dan menerangkan tentang genre sastera rakyat yang kini terpinggir
- memerihai secara terperinci genre sastera rakyat dengan membandingkannya dengan genre kesusasteraan yang lain
- menganalisis genre Sastera Rakyat secara ilmiah dan mantap dengan aplikasi teori berkaitan

### **JMK 319/3 - KAEDAH KAJIAN KESUSASTERAAN**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar untuk menganalisis dan mengkaji bidang kesusasteraan secara berkesan dan berilmiah. Pelajar diperlukan menyediakan proposal atau kertas cadangan dengan mengambil kira elemen seperti objektif kajian, teori yang digunakan, skop kajian dan kajian literature.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menghasilkan penulisan yang berkaitan dengan latar belakang kajian yang akan dilakukan
- menghasilkan objektif kajian yang bersesuaian dengan kajian yang akan dilakukan
- menyatakan permasalahan bagi kajian yang dilakukan
- menentukan skop kajian yang akan dilakukan dan mahir dalam memilih teori yang bersesuaian
- menganalisis kajian literatur yang bersesuaian dan merujuk bahan terkini
- menghasilkan proposal bagi melengkapkan diri untuk kursus seterusnya

### **JMK 323/4 - PUISI NUSANTARA**

Kursus ini akan memfokuskan suatu bentuk kajian terhadap perkembangan puisi Nusantara dengan memberi perhatian kepada perkembangan puisi tradisional dan moden. Tumpuan akan diberikan kepada persoalan bentuk, struktur, bahasa, tema, kebijaksanaan, elemen-elemen alam dan sosio-budaya yang tercerna di dalam puisi-puisi yang dihasilkan oleh beberapa penyair Nusantara. Genre puisi yang akan diberi perhatian ialah puisi lama dan moden.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan/menjelaskan pengertian yang mendalam tentang unsur-unsur puisi serta berkeupayaan menghuraikan isi puisi dengan baik
- membandingkan dan menilai puisi-puisi antara kelompok masyarakat di Nusantara
- mengutarakan pendapat kritis tentang masyarakat Nusantara dan menerokai kebijaksanaan mereka berdasarkan isi karya
- membentuk kesedaran yang lebih baik terhadap diri, individu lain dan persekitaran berdasarkan nilai yang diperolehi daripada puisi seperti kepekaan perasaan, ketajaman fikiran, kekuatan apresiasi dalam penghayatan seni

### **JMK 324/4 - PENULISAN KREATIF**

Kursus ini memberi tumpuan terhadap teori dan teknik penulisan karya kreatif dalam genre puisi, cerpen, novel dan skrip drama. Pelajar akan didedahkan dengan kaedah serta dasar teknik penulisan karya kreatif dalam pelbagai sudut. Pelajar turut didedahkan dengan kepekaan dan kreativiti pengarang, pengayaan bahasa, estetika serta tatacara penulisan yang bertanggungjawab dan diperlukan menghasilkan karya kreatif dalam genre yang diminati.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menjana pengetahuan tentang bidang penulisan kreatif
- mempamerkan kemahiran dalam penulisan kreatif dengan menerapkan teori yang diperkenalkan
- menguasai penulisan karya kreatif dalam genre yang diminati

### **JMK 415/4 - KESUSASTERAAN, BUDAYA DAN MEDIA BARU**

Kursus ini bertujuan menjelaskan pertalian antara kesusasteraan, budaya dan media baru. Kesusasteraan dan budaya saling melengkapi antara satu sama lain semenjak dahulu lagi kerana karya sastera tercipta daripada pengalaman masyarakat. Kesusasteraan dalam hal ini memerlukan pelbagai media untuk memastikan ia terus berkembang sealiran dengan peredaran zaman. Justeru kursus ini membuka minda pelajar bahawa bidang kesusasteraan mencakupi ruang yang luas dan melampaui pelbagai disiplin.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- Menjelaskan pertalian antara kesusasteraan dan budaya
- Menganalisis karya sastera berteraskan teori budaya
- Menganalisis karya sastera media baru dengan menggunakan pendekatan yang bersesuaian

- Menganalisis dan membandingkan antara karya media baru dengan konvensional dari aspek tema dan unsur-unsur lain yang membangunkan sesebuah karya sastera

#### **JMK 419/4 - KESUSASTERAAN ASIA MODEN**

Kursus ini menerapkan pendekatan perbandingan ke atas beberapa karya terpilih daripada kesusasteraan Asia moden yang meliputi wilayah Benua Kecil India, Cina, Jepun dan Korea. Bahagian awal kursus akan memberi pengenalan latar belakang sejarah dan sosio-budaya setiap tradisi kesusasteraan yang dikaji. Karya-karya kesusasteraan yang terpilih sebagai bahan kajian mewakili contoh-contoh terbaik dari wilayah berkenaan. Antara tujuan kajian terhadap teks terpilih itu secara perbandingan ialah untuk mengetahui ciri-ciri persamaan dan perbezaan antara karya-karya besar berkenaan, dan juga mengenalpasti fenomena pengaruh/mempengaruhi atau kesejajaran (parallelism) sekiranya ada. Teks-teks yang dikaji antaranya ialah *The Sound of Waves* (1981), *Snow Country*, *The Temple of the Golden Pavillion*, *Nectar in the Sieve* dan lain-lain.

#### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihal sejarah bidang kesusasteraan negara Asia iaitu India, China dan Jepun
- membandingkan keistimewaan dan kelebihan teknik karya dari beberapa buah negara Asia
- mengapresiasi dalam pelbagai perspektif karya pilihan

#### **JMK 421/4 - KESUSASTERAAN DAN CERKA SAINS**

Kursus ini bertujuan menjelaskan perkaitan antara bidang kesusasteraan dengan bidang sains. Karya cereka sains yang terpilih akan dikaji daripada segi genre dan perkembangannya serta medium penyampaian.

#### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menjelaskan bahawa bidang kesusasteraan tidak jumud; malah sesuai dengan bidang sains
- menjelaskan bahawa bidang sains boleh menjadikan bidang sastera sebagai medium untuk menyampaikan informasi
- membezakan antara cereka sains dengan cereka-cereka lain
- membincangkan impak kemajuan sains terhadap kehidupan secara tidak langsung

#### **JMK 422/4 - KESUSASTERAAN KANAK-KANAK DAN REMAJA**

Kursus ini menjelaskan bahawa sastera kanak-kanak dan remaja sama pentingnya dengan sastera dewasa. Malah melalui karya seumpama ini jiwa dan keinginan kanak-kanak dapat diterokai, Karya seumpama ini juga dapat menyemai nilai-nilai baik di jiwa generasi muda jika persoalan dan teknik penyampaian diolah dengan berkesan.

## Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- membezakan antara sastera kanak-kanak, remaja dan karya sastera yang lain.
- memahami dunia kanak-kanak dan remaja
- meneroka jiwa kanak-kanak dan remaja
- menganalisis persoalan utama yang digarap oleh pengarang
- membezakan antara karya yang mampu memupuk nilai murni dan sebaliknya.

## JMK 423/4 - KESUSASTERAAN MELAYU KLASIK BERCORAK ISLAM

Kursus ini bertujuan mendekatkan para pelajar kepada ciri-ciri kesusasteraan Melayu yang muncul bersama-sama dengan kedatangan agama Islam ke Nusantara. Tumpuan akan dibuat kepada karya-karya awal yang dibawa masuk dari Timur Tengah atau karya-karya warisan peradaban Islam sebagai media dakwah. Karya ini akan dianalisis daripada pelbagai perspektif. Antara teks pilihan warisan peradaban Islam yang dikaji dalam kursus ini ialah *Hikayat Nur Muhammad*, *Masalah Seribu*, *Surat al-Anbiya*. Teks epik pula ialah *Hikayat Muhd. Ali Hanafiyah* dan *Kalilah Wa Damnah* daripada kumpulan cerita berbingkai.

Tumpuan kedua ialah melihat karya-karya Islam yang dihasilkan oleh ulama pengarang tempatan sendiri. Corak kajian yang sama akan dilakukan iaitu mempelajari tentang pengarangnya yang terdiri daripada kalangan alim ulama. Teks yang akan dikaji ialah *Tajus al-Salatin* karya Bokhari al-Jauhari, *Bustan al-Salatin* dan *Sirat al-Mustaqim* karya Syekh Nuruddin al-Raniri, Rubai Hamzah Fansuri dan kitab-kitab lain karya Hamzah Fansuri, Syeikh Syamsuddin al-Sumatrani dan Syeikh Abd. Rauf Singkil.

## Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihal ciri-ciri karya yang muncul bersama kedatangan Islam di Nusantara
- menjelaskan pengaruh Timur Tengah yang terakam dalam karya pilihan
- menghubungkan persoalan tradisi, Weltanshaung pengarang/ulama Nusantara dalam karya pilihan

## JMK 514/4 - KAJIAN PERBANDINGAN *GENRE* KESUSASTERAAN TERPILIH

Kursus ini akan meneliti dan mengkaji beberapa teks secara perbandingan daripada tradisi kesusasteraan Timur dan Barat. Kajian ini bertujuan untuk memberi kefahaman mendalam kepada para pelajar tentang bentuk, struktur dan estetika dalam *genre* tersebut. Kebanyakan daripada *genre* kesusasteraan yang dipilih akan mewakili khazanah kesusasteraan lisan dan kesusasteraan lama/klasik, peralihan dan moden; masing-masing akan dipilih untuk mewakili wilayah dunia Melayu mahupun Timur dan Barat. Kajian perbandingan akan dibantu oleh pengetahuan tentang latar belakang, konteks sejarah dan sosiobudaya di sekitar kewujudan *genre* berkenaan, unsur-unsur teori atau kritikan 'moden' yang berkenaan. Teks kajian pilihan ialah 'The Song of Songs' (1995), *kumpulan cerpen Sasterawan Negara Keris Mas* (2000), *puisi-puisi Hamzah Fansuri* dan 'Dewi Putih' dari China.

## **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihai genre daripada pelbagai tradisi berdasarkan teks pilihan secara perbandingan
- mewajarkan pengaplikasian/penerapan perbandingan terhadap teks pilihan dari pelbagai tradisi kesusasteraan dunia
- menghurai dan menghubungkan tentang kepelbagaian tradisi dan budaya yang melahirkan karya-karya pilihan

### **JMK 517E/4 - NEW LITERATURE IN ENGLISH FROM THE ASIA PACIFIC**

*This course will examine and compare the products of the 'New Literatures' especially fictions written in English by authors who were born in the Asia Pacific Region namely Australia, The Philippines, Singapore and Malaysia. The study will commence with a brief introduction on the existence of the 'New Literatures', their relationship with the influential powers of the British and American that were in these regions. Studies and appreciation of these works will be on the problems posed, themes, style, technique, local colour elements and verisimilitude.*

#### **Learning outcomes**

*Upon completion of this course, students should be able to:*

- *discuss critically the way the selected works reflect the sociopolitical of "New Literatures" from the Asia Pacific*
- *elaborate on the themes and techniques of the works*
- *compare selected works*

### **JMK 520/4 - PROJEK KAJIAN KESUSASTERAAN**

Kursus ini melibatkan proses pengumpulan bahan yang asli oleh pelajar, analisis kritikal ke atas bahan tersebut, pembentangan dapatan-dapatan dalam kertas seminar atau tugas, dan diakhiri dengan sebuah tulisan ilmiah (dalam lingkungan 40 hingga 50 halaman panjang) tentang kajian yang dipilih.

Tujuan kursus ini ialah untuk menguji kebolehan pelajar dalam mengendalikan sebuah kajian yang agak mendalam dalam salah satu bidang-kecil Kesusasteraan, sambil mengemukakan dapatan-dapatan tertentu yang mungkin dipanjangkan kepada pihak umum atau sebagai kajian lanjutan. Secara tidak langsung, dan secara hitung panjang, projek kajian ini akan menambahkan bahan dan tulisan ilmiah tentang tajuk-tajuk dalam bidang kesusasteraan. Kajian pilihan merangkumi semua genre kesusasteraan moden dan klasik melalui pelbagai pendekatan.

Kursus ini akan diselaraskan oleh Pengerusi Rancangan, manakala setiap projek pelajar akan diletakkan di bawah pengawasan seorang penyelia (Pensyarah/Tenaga Pengajar).



Tahap-tahap kerja yang perlu dilaksanakan oleh pelajar akan menurut jadual yang akan ditentukan oleh Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- memerihal genre dan teori pilihan secara terperinci
- menganalisis karya ilmiah secara sendiri dengan aplikasi teori
- menghasilkan kajian yang mantap dan kritis

**STAF AKADEMIK : SEJARAH**

Pengerusi Rancangan : Dr. Sah-Hadiyatan Ismail  
Cert. Ed. (MPTAA)  
B.Ed. (Hons), M.A. (USM)  
Ph.D. (Queensland)

Pensyarah : Dr. Azmah Abd. Manaf  
B.A. (Hons.), M.A. (USM)  
Ph.D (Darwin)

Dr. Ku Boon Dar  
B.A.(Hons) (USM)  
M.A., Ph.D. (UM)

Dr. Low Choo Chin  
B. A (Ed.) (Hons), M.A. (USM)  
Ph.D (Melbourne)

Dr. Mohamad Muzammil Mohd. Nor  
B.A. (Hons), M.A. (USM)  
Ph.D. (UM)

## SENARAI KURSUS SEJARAH

Bil.	Kod/Tajuk Kursus	Asas-Asas Penilaian (%)			
		Unit	Kerja Kursus	Pep. Akhir	Asas-Asas Menilai Kerja Kursus
1.	JMS 101 - Pengantar Sejarah	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
2.	JMS 211 - Sejarah Politik Malaysia Tradisional	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
3.	JMS 212 - Sejarah Asia Tenggara Tradisional	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
4.	JMS 213 - Sejarah Politik Malaysia Moden	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
5.	JMS 214 - Sejarah Asia Tenggara Moden	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
6.	JMS 216 - Sejarah Ekonomi Malaysia	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
7.	JMS 217 - Pensejarahan Malaysia	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
8.	JMS 313E - <i>History of Modern Europe</i>	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
9.	JMS 316E - <i>History of Islamic Intellectuals</i>	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
10.	JMS 318 - Dokumen-Dokumen Dalam Sejarah Malaysia	3	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
11.	JMS 321 - Sejarah Asia Barat	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
12.	JMS 411 - Teori, Kaedah dan Falsafah Sejarah	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
13.	JMS 412 - Sejarah Sosial Malaysia Moden	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan

P.B. = Penilaian Berterusan

Bil.	Kod/Tajuk Kursus	Asas-Asas Penilaian (%)			
		Unit	Kerja Kursus	Pep. Akhir	Asas-Asas Menilai Kerja Kursus
14.	JMS 413 - Sejarah India Moden	3	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
15.	JMS 414 - Sejarah China Moden	3	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
16.	JMS 417 - Pensejarahan Barat dan Timur	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
17.	JMS 515E - <i>History of the United States of America</i>	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
18.	JMS 516 - Sejarah Sosio-Politik Malaysia: Gerakan Protes	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
19.	JMS 517 - Revolusi Industri: Pengalaman Britain, 1760-1945	4	40	60	20 P.B. 20 Tugasan
20.	JMS 528 - Sejarah: Kajian Tempatan	4	100	-	100 Laporan

P.B. = Penilaian Berterusan

## **SINOPSIS DAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS SEJARAH**

### **JMS 101/4 - PENGANTAR SEJARAH**

Kursus ini bertujuan menganalisis sejarah sebagai suatu bidang ilmu atau disiplin yang tersendiri. Untuk memenuhi tujuan ini, pendedahan dibuat melalui dua aspek utama. Yang pertama, membahas tentang aspek teori dan kaedah. Aspek yang kedua ialah meninjau tentang pensejarahan atau penulisan sejarah.

Mengenai aspek pertama, terdapat beberapa tema tertentu yang diberi tumpuan. Pertama, penjelasan tentang konsep dan definisi sejarah sebagai ilmu, di samping ciri-ciri persamaan dan perbezaan dengan ilmu-ilmu lain. Mengenai tema kedua, ia menyentuh tentang masalah pokok perbicaraan atau skop sejarah. Di samping itu juga akan disentuh tentang cabang-cabang sejarah.

Tema ketiga pula membahas tentang kaedah sejarah, iaitu yang menyangkut tentang punca atau sumber-sumbernya. Dalam tema ini perbahasan akan menyentuh tentang persoalan jenis-jenis sumber dan juga kritikan sumber, baik kritikan luaran mahupun dalaman.

Kemudiannya tentang tema yang keempat, yang juga termasuk persoalan kaedah, ia membahas tentang penyelidikan sejarah. Dalam hal ini, antara masalah-masalah yang dibangkitkan ialah sekitar soalan penyebab, soal objektiviti dan moraliti dalam sejarah. Yang terakhir ini disebut juga sebagai pengadilan moral dalam sejarah.

Di samping itu para pelajar juga akan diperkenalkan kepada pelbagai jenis atau cakupan sejarah khususnya tentang persoalan sejarah sekular dan teologi. Dalam hal ini akan dijelaskan juga tentang cabang-cabang sejarah seperti Sejarah Politik, Sejarah Sosial, Sejarah Ekonomi dan sebagainya.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan tentang cara dan kaedah penyelidikan sejarah, baik secara empirikal mahupun rasional
- mentafsirkan secara adil dan saksama, melalui pengkajian terhadap peristiwa - peristiwa masa lampau dan juga masa ini
- mengenal pasti perbezaan aliran epistemologi klasik dalam hubungannya dengan pensejarahan dan cara mememanfaatkannya dalam penulisan sejarah
- membezakan antara satu jenis sejarah dengan sejarah yang lain – contoh sejarah sosial, sejarah politik, sejarah kebudayaan, sejarah agama dan sebagainya

## **JMS 211/4 - SEJARAH POLITIK MALAYSIA TRADISIONAL**

Kursus ini akan menekankan kepada tema tradisi dan perubahan dalam masyarakat tradisional sehingga tahun 1941. Perbincangan akan dibuat tentang konsep negara, sistem kerajaan dan sosio-ekonomi yang mempengaruhi masyarakat tradisional.

Perbincangan akan bermula dari sejarah awal yang membentuk tradisi sejarah politik sejak kemunculan kerajaan-kerajaan awal. Ini diikuti dengan perbincangan tentang kesultanan Melaka dan warisan politiknya dalam kerajaan-kerajaan Melayu Semenanjung. Penekanan juga akan diberi kepada penglibatan Aceh, Bugis dan Minangkabau serta Siam. Perubahan-perubahan yang berlaku dalam politik di Brunei sehingga campur tangan Inggeris juga akan dikupas. Seterusnya akan ditinjau penglibatan imperialisme Inggeris di Malaysia dan kemunculan gerakan nasionalisme. Tajuk-tajuk yang akan dibincang ialah: Asal-usul sejarah Malaysia; pengasasan Melaka, sumber-sumber sejarahnya, institusi politik dan warisan sejarahnya; kerajaan Johor Riau sehingga abad ke-17; pengaruh Portugis dan Belanda di Melaka; penglibatan orang Minangkabau dan Bugis; hubungan Siam dengan negeri-negeri Melayu; hubungan Brunei dengan Sarawak dan Sabah; imperialisme Inggeris di Malaysia; perkembangan awal nasionalisme.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan secara naratif sejarah politik Malaysia tradisional
- menerangkan sistem, institusi dan teori tentang sejarah politik Malaysia tradisional
- membahas aspek kesinambungan tradisi dengan perubahan dalam sejarah politik Malaysia

## **JMS 212/4 - SEJARAH ASIA TENGGARA TRADISIONAL**

Kursus ini akan dibahagikan kepada dua bahagian mengikut perkembangan budaya atau tamadun:

Tamadun Awal - merangkumi perkembangan tamadun zaman awal; dari Zaman Pra-Sejarah hingga ke zaman pengindiaan di Asia Tenggara.

Tamadun Islam - merangkumi perkembangan dan pengaruh tamadun Islam di Asia Tenggara.

Tajuk yang akan dibincangkan ialah:

- (a) Pra-Sejarah di Asia Tenggara;  
Proto Sejarah - pencapaian tamadun pada peringkat awal;  
Pembentukan negeri-negeri awal - peranan perdagangan dalam pembentukan negeri-negeri awal di Asia Tenggara;  
Pengindiaan - perkembangan Agama Hindu-Buddha di India;

Pengindiaan - pengaruh India dalam bidang agama/kepercayaan; Sinkretisme Hyang-Buddha-Hindu di India;  
Pengindiaan - politik: pembentukan kerajaan-kerajaan; Funan, Champa dan Angkor;  
Kerajaan-kerajaan awal di Semenanjung: Tambralinga, Langkasuka dan Kataha;  
Sriwijaya - kebangkitan dan keruntuhan;  
Kerajaan-kerajaan Hindu-Buddha di Jawa;

#### Perdagangan dan Perkapalan

1. Perdagangan dan perkapalan awal.
2. Perdagangan dan perkapalan abad ke 15-17. Tumpuan kepada perdagangan dan perkapalan di Melaka.
3. Undang-undang Laut Melayu.
4. Perdagangan di Selat Melaka pada abad ke 18.

- (b) Kedatangan Islam: teori-teori penyebaran dan pertapakan;  
Proses perkembangan: kerajaan Perlak - kerajaan Islam yang pertama di Asia Tenggara;  
Pengaruh Syiah: kemunculan dan perkembangan kerajaan Samudra-Pasai.  
Perubahan mazhab daripada Syiah kepada Sunni;  
Islam di Semenanjung sebelum munculnya Melaka;  
Kerajaan Melayu Melaka dan peranannya dalam penyebaran Islam di Nusantara;  
Sistem pemerintahan Islam di Melaka;  
Peranan ahli Sufi dalam penyebaran Islam di Asia Tenggara;  
Islam di Jawa - pertapakan dan perkembangan; peranan wali-wali (ahli Sufi);  
Islam di Jawa - Sinkretisme Islam-Hyang-Hindu-Buddha (Kajawen);  
Islam di Filipina - pertembungan dan penyebaran;  
Kerajaan Aceh Darulsalam;  
Sistem pemerintahan Islam di Aceh;  
Kerajaan Johor.

#### Hasil Pembelajaran

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan konsep periodisasi dalam sejarah kemanusiaan menurut pandangan yang terutama tentang konsep pra-sejarah
- menilai kepentingan peranan perdagangan dalam membentuk negeri-negeri awal di Asia Tenggara
- menerangkan konsep *Indianisation* atau Pengindiaan
- menghuraikan tentang sejarah kemunculan kerajaan-kerajaan Islam di Tanah Melayu

## **JMS 213/4 - SEJARAH POLITIK MALAYSIA MODEN**

Dalam pengenalan kursus akan ditinjau pendapat para sarjana tentang pengertian sejarah politik moden. Pada umumnya sarjana berpendapat sejarah politik moden bermula dengan kemunculan dan perkembangan Negara-bangsa sebagai pusat peraturan dan kehidupan politik bagi suatu kelompok manusia dalam satu sempadan wilayah. Ciri pokok kepada perkembangan politik moden ialah pemerintahan yang berasaskan hak kuasa Negara yang mempunyai hubungan erat antara gagasan negara dan gagasan bangsa.

Tema utama kursus ini ialah penjelmaan Malaysia sebagai Negara-bangsa yang kita kenali sekarang. Tema ini dipecahkan pula kepada tiga bahagian. Bahagian pertama membincangkan kemunculan Negara dari segi perubahan corak pemerintahan, kuasa politik, keluasan wilayah dan peraturan perlembagaan. Bahagian kedua akan mengkaji perkembangan gagasan Bangsa terutama sekali perbezaan fahaman dan tafsiran tentang konsep dan asas bangsa dalam konteks sejarah Malaysia. Kursus ini juga akan meneliti pergerakan nasionalisme terutama yang menyentuh fahaman, perjuangan dan dasar sokongan. Hal ini penting kerana perkembangan nasionalisme memainkan peranan ke arah pembentukan Negara-bangsa Malaysia. Bahagian ketiga akan meneliti krisis-krisis yang tercetus akibat pergolakan politik selepas merdeka dan kesan-kesannya.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menjelaskan tentang konsep negara moden serta ciri-cirinya
- menghubungkan perubahan-perubahan yang dilakukan oleh kerajaan British dengan proses pembentukan negara Malaysia
- menganalisa tentang sejarah kemunculan dan perkembangan gerakan nasionalisme di Malaysia
- menghuraikan dan menganalisa cabaran-cabaran dan krisis-krisis politik yang dihadapi oleh Malaysia selepas pembentukannya
- menilai peristiwa-peristiwa sejarah dari sudut sebab dan akibat untuk dijadikan panduan pada masa akan datang

## **JMS 214/4 - SEJARAH ASIA TENGGARA MODEN**

Kursus ini mengkaji tentang susunan masyarakat tradisi di Asia Tenggara - Myanmar, Negara Thai, Laos, Vietnam, Kampuchea, Filipina dan Indonesia. Penekanan akan diberi kepada unsur-unsur tradisi seperti nilai politik, budaya dan agama.

Ini diikuti dengan kedatangan kuasa-kuasa Eropah dan pengenalan kepada corak pemerintahan kolonial serta perkembangan ekonomi. Tumpuan juga akan diberi kepada tindak balas bukan sahaja daripada kalangan elit, tetapi juga daripada kalangan petani.



Yang terpenting di dalam kursus ini ialah perkembangan nasionalisme yang mencerminkan kehendak-kehendak pribumi yang berlainan dan ini akhirnya menghasilkan sistem-sistem politik yang berlainan pada hari ini.

Beberapa masalah yang timbul selepas kemerdekaan juga disentuh, termasuklah corak pemerintahan, perpaduan kebangsaan dan pembangunan ekonomi.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menyenaraikan susun lapis masyarakat tradisi di Asia Tenggara – Myanmar, Negara Thai, Laos, Vietnam, Kampuchea, Filipina dan Indonesia. Penekanan akan diberi kepada unsur-unsur tradisi seperti nilai politik, budaya dan agama
- menerangkan tentang faktor kedatangan kuasa-kuasa Barat dan juga pengenalan kepada corak pemerintahan kolonial serta sistem ekonomi di Asia Tenggara
- menghuraikan perkaitan perkembangan nasionalisme yang mencerminkan kehendak-kehendak pribumi yang berlainan dengan sistem politik hari ini

### **JMS 216/4 – SEJARAH EKONOMI MALAYSIA**

Kursus ini tertumpu kepada topik-topik dari abad ke-15 hingga ke Perang Dunia Kedua dalam abad ke-20. Organisasi kursus diasaskan kepada pembahagian mengikut kronologi dan mengikut topik-topik tertentu seperti perdagangan, perkapalan, pertanian, dan perlombongan.

Tumpuan utama akan diberikan kepada perdagangan dan perkapalan khususnya dari zaman kerajaan Melayu Melaka sehingga abad ke-18 kerana inilah asas perekonomian orang Melayu pra zaman moden. Disamping itu, kursus ini akan membincangkan juga topik-topik tentang hasil-hasil pertanian penting yang mula berkembang di Tanah Melayu dan di Borneo sejak abad ke-19 seperti padi, lada hitam, kopi, tebu, kelapa dan getah. Topik mengenai perlombongan seperti perlombongan bijih timah dan bijih besi juga akan dibincangkan.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- mengenalpasti kegiatan-kegiatan ekonomi dan perkapalan masyarakat di Tanah Melayu dan Borneo dari zaman awal hingga abad ke 10
- menghubungkan struktur masyarakat dan corak kegiatan ekonomi kesultanan Melaka serta perubahan-perubahan yang dialami
- membandingkan aktiviti dan corak kegiatan ekonomi semasa penjajahan Inggeris di Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak
- menganalisis pengaruh kegiatan ekonomi terhadap perkembangan masyarakat berbilang kaum

## **JMS 217/4 – PENSEJARAHAN MALAYSIA**

Kursus ini bertujuan untuk memperkayakan pemahaman pelajar tentang perkembangan penulisan sejarah Malaysia dari tempoh awal sehingga masa kini. Ia akan bertumpu pada evolusi pensejarahan Malaysia dari sudut pandangan kaedah, falsafah dan interpretasi. Pelbagai tulisan sejarah berpengaruh akan ditelitikan demi memahami bagaimana ideologi-ideologi politik dan keadaan masyarakat sezaman mempengaruhi intepretasi sejarah.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- mengenalpasti dan menguraikan pola perkembangan dalam penulisan sejarah di Malaysia
- menilai evolusi pensejarahan Malaysia dari tahap tradisional sehingga tahap pasca merdeka
- mengembangkan kemahiran berkomunikasi dan pemikiran kritis

## **JMS 313E/4 – HISTORY OF MODERN EUROPE**

*This course focuses towards the thought and political movements in modern European history. A special study will be made concerning the upheavels in European society in the effort to search for, to establish and maintain a system of government: that is, to resolve the conflict that arises. Incidentally, crisis arises out of economic, political and social conditions in a society and also from ideas developed by a number of European thinkers. Those who had been involved hoped to create a system that would establish a balance between the power of the government and the rights of those whom it governed, the privileges of the rich and the comfort of the poor and so forth. The system of the government to be studied, includes the feudal system, democracy and dictatorship. Nonetheless, different interpretation of history among the various scholars would also be considered. The topics that are in discussion in this course are as follows:*

*The French Revolution (1789 – 94)  
France under Napoleon (1799 – 1814)  
Revolutions of 1848 (1848 – 90)  
The Russian Revolution (1917 – 23)  
Russia under Stalin (1923 – 45)  
Nazism in Germany (1933 – 45)*

### **Learning outcomes**

*Upon completion of this course, students should be able to:*

- *explain European History in global*
- *explain the changes in social, economy and politics in European society since the French Revolution*

- analyze the European history through themes that were taught
- instill the awareness and a lesson to the students from the historical events that happens in Europe (P6, A3, EM2)

### **JMS 316E/4 – HISTORY OF ISLAMIC INTELLECTUALS**

*This course begins with a survey of the Islamic history vis-à-vis the development of political, social as well trends of thought found among the Muslims. With regard to politics, the discussion centers on the Muslim ummah since the fall of Baghdad till the beginning of colonialism in the Islamic world. In social aspects, the discussion focuses on trends of thought developing among the Muslims since the fall of Baghdad, especially the dichotomy between the Salafiyah (Reformist) trend and the Traditionalists (Orthodox) trend of Islam.*

*In the second part, we shall discuss the forms of challenges faced by the Muslims in Modern Times. Among these include colonialism, modernism in all its aspects and forms, orientalism and Zionism.*

*In the third part, we shall stress on the rise of modernist movements in the Islamic world. By definition, modernists are those who are influenced by modernist, that is, Western values, or those who try to fit in Islam with such modern values. In this connection, we shall look at the developments in Turkey, Egypt, Indo-Pakistan sub-continent, Indonesia and the Western world.*

*In the fourth part, we shall discuss about the continuation of Islamic traditional movement. In this instance, by traditionalists, we mean those who strongly uphold the teachings of mazhab (school of thought) in Syari'ah and the practice of tariqat in tasawwuf, besides accomodating local traditions in their everyday life. Hence, we shall make a survey of traditionalist movements in Africa, Indo-Pakistan sub-continent, Turkey, Indonesia and the Western world.*

*Finally, we shall discuss about the reform movements in the Islamic world. By reformists we mean those who strive to purify Islam foreign elements as well as internal decay. With regard to foreign elements, we mean the influence of Western thought and way of life, whilst the internal factor being such teachings and practices acquired by the Muslims which are also equally destructive in terms of 'Aqidah and Syari'ah. In this connection, we shall briefly consider the development of reform in Saudi Arabia, Egypt, Africa, Indo-Pakistan sub-continent, Indonesia and the Western world.*

#### **Learning outcomes**

*Upon completion of this course, students should be able to:*

- explain the history of the Modern Muslim world)
- describe about Muslim institutions movements and thoughts that operate in the Muslim world of Modern Times
- explain the role and threat of Westen imperialism and ideologies upon the Muslims
- acquire enough information and guideline so as to help them to chart a new and positive course in their lives ahead

### **JMS 318/3 – DOKUMEN-DOKUMEN DALAM SEJARAH MALAYSIA**

Kursus ini mengkaji sejarah Malaysia moden melalui kaca mata sumber primer iaitu dokumen-dokumen bertulis. Sumber-sumber itu termasuklah dokumen peribadi seperti diari, surat-menyurat persendirian, dan memoir serta dokumen-dokumen rasmi seperti laporan, memoranda, telegram, surat, ucapan, perjanjian, perlembagaan, dan perbahasan parlimen. Skop kajian adalah daripada zaman penjajahan British sehingga pembentukan Persekutuan Malaysia. Penulisan sejarah adalah amat bergantung kepada penafsiran sumber sejarah iaitu sumber-sumber primer dan sekunder, secara kritis dan objektif. Pendedahan kepada kursus ini membolehkan pelajar menghayati apakah yang cuba digambarkan oleh saksi-saksi dalam sejarah.

#### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menjelaskan kepentingan dokumen-dokumen
- mengenal pasti sumbangan hasil penulisan pegawai pentadbir kolonial British kepada sejarah Negara
- menilai dasar kerajaan and implikasinya melalui penelitian sumber sejarah.
- mengkonstruk semula pengalaman sejarah melalui penghayatan dokumen-dokumen

### **JMS 321/4 – SEJARAH ASIA BARAT**

Kursus ini merupakan tinjauan sejarah Asia Barat dari zaman pra-Islam sehingga selepas Perang Dunia Pertama. Tumpuan utama adalah kebangkitan Islam di rantau tersebut dan kesan-kesan politik serta sosial ke arah pembentukan identiti Arab-Islam. Melalui kursus ini, pelajar akan didedahkan dengan sejarah awal Asia Barat sehinggalah pada era kemunculan Islam khususnya pada zaman pentadbiran Islam Madinah, zaman Khulafa Ar-Rashideen, Dinasti Umayyiah dan Empayar Abbasiyyah sebagai asas untuk memahami perkembangan sosio-politik dan ekonomi moden di rantau tersebut.

#### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- mengenalpasti faktor-faktor yang telah mencorakkan perkembangan sejarah politik dan sosio-ekonomi Asia Barat
- menjelaskan senario perkembangan sejarah Asia Barat secara kronologi
- melapor secara betulis kesan-kesan yang berlaku dari segi geo-politik dan sosio-ekonomi dan etika di Asia Barat akibat perubahan persekitaran wilayah tersebut
- menganalisis pengaruh Islam ke atas sistem politik, pentadbiran, dan sosial masyarakat Arab di Asia Barat

## **JMS 411/4 – TEORI, KAEDAH DAN FALSAFAH SEJARAH**

Banyak persoalan telah timbul dengan sejarah sebagai satu disiplin ilmu. Persoalan tentang teori, pengertian, kaedah dan falsafah sejarah adalah antara persoalan yang sering diperdebatkan. Maka kursus ini menjadi medan kepada perdebatan tentang persoalan-persoalan berkenaan, khususnya tentang teori, kaedah dan falsafahnya.

Seringkali persoalan teori dan falsafah sejarah tidak dapat dibezakan. Malah J.M. Romein yang berusaha untuk membezakan antara teori dan falsafah sejarah mengakui bahawa usahanya itu hanya menemui kegagalan. Justeru itu, menggambarkan betapa rapatnya kedua-dua aspek itu. Persoalan tentang teori sejarah tidak mungkin diperdebatkan tanpa menyentuh tentang falsafah sejarah dan begitulah sebaliknya.

Bagaimanapun kursus ini akan menekankan tentang dua perkara utama teori sejarah, iaitu tentang asal usul sejarah dan keduanya berkenaan dengan bagaimana sesebuah peradaban itu memahami, mempelajari dan mendapatkan manfaat daripada sejarah. Sehubungan dengan itu, kaedah dalam penyelidikan sejarah mempunyai nilai-nilainya yang tersendiri dan berbeza dengan disiplin ilmu yang lain. Ia melahirkan sejarawan yang kritis sesuai dengan kaedah sejarah yang kritis.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- membahaskan teori-teori sejarah
- menjelaskan cabang-cabang utama falsafah sejarah iaitu falsafah sejarah kritikal dan falsafah sejarah spekulatif
- menghuraikan bentuk-bentuk penjelasan dalam sejarah yang terkandung dalam falsafah sejarah kritikal
- membahaskan tentang kaedah dan objektiviti dalam sejarah

## **JMS 412/4 – SEJARAH SOSIAL MALAYSIA MODEN**

Aspek sosial yang menjadi sebahagian daripada ruang lingkup kajian sejarah, meliputi bidang yang sangat luas, malah sukar ditentukan had batasannya. Namun demikian dalam kursus ini beberapa aspek sosial tertentu sahaja yang menjadi pilihan terutama yang menyentuh kehidupan sosial masyarakat Malaysia secara menyeluruh.

Kursus ini bermula dari awal abad ke 20. Walau bagaimanapun dalam topik-topik tertentu, sejarah awalnya akan disorot secara latarbelakang. Rangka kursus pada asasnya berdasarkan aspek-aspek sosial seperti perkembangan kependudukan, kemajuan infrastruktur, masalah kemunduran masyarakat Melayu, perkembangan pendidikan, media cetak, persatuan-persatuan sosial, perkembangan sistem undang-undang dan adat Melayu serta pergerakan agama. Setiap aspek ini akan dibincangkan berdasarkan isu-isu tertentu. Sehubungan itu penafsiran para sarjana akan diambil kira.

## **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- mengenal pasti latar belakang sejarah dan asas-asas pembentukan masyarakat Malaysia yang ada pada hari ini
- menilai peranan pendidikan dan media cetak ke arah memupuk kesedaran sosial di kalangan masyarakat Malaysia pada abad ke-20
- mengenal pasti sistem adat dan perundangan masyarakat dari sudut tradisi dan perubahan-perubahan yang dialami
- menganalisa jatuh bangun gerakan-gerakan agama di Malaysia
- menghayati nilai-nilai sejarah kemasyarakatan Malaysia melalui kerja berpasukan

## **JMS 413/3 - SEJARAH INDIA MODEN**

Kursus ini terbahagi kepada tiga bahagian utama, iaitu zaman klasik dan zaman pertengahan dan zaman moden. Bagi Zaman Klasik perbincangan bermula daripada tamadun pra-vedic di Lembah Indus, baik dari segi sosio-ekonomi mahupun agama. Dengan kedatangan kaum Aryan maka bermulalah tamadun Vedic yang menonjol sekali dalam bidang agama. Dari sudut politiknya, lahirlah dinasti Maurya dan dinasti Gupta yang merupakan zaman keemasan dalam sejarah India Klasik. Bahagian ini ditamatkan dengan perbincangan tentang warisan tamadun India dari segi material mahupun intelektual.

Bagi zaman pertengahan, ia merupakan zaman pemerintahan Islam di India yang bermula dengan kerajaan Ghaznawiyah pada abad ke-10. Selepas itu tertubuhan kesultanan Delhi yang didahului oleh kerajaan Ghori dan diikuti oleh kerajaan-kerajaan Mamluk, Khilji dan Tughluq. Dengan kejatuhannya, naik pula kesultanan Moghul yang bermula dengan Babur pada abad ke-15. Bahagian ini juga akan membahaskan warisan tamadun material dan intelektual terutama perkembangan agama Islam.

Bagi zaman moden ia akan meneliti peranan imperialisme British dan nasionalisme India/Pakistan dalam pembentukan sejarah moden benua kecil India. Buat permulaannya, perhatian akan ditumpukan kepada pengaruh imperialisme British dan kajian yang teliti akan dilakukan terhadap institusi-institusi politik, pentadbiran, ketenteraan, ekonomi, pendidikan dan sosial yang diperkenalkan oleh British serta menilai kesan institusi-institusi tersebut ke atas masyarakat pribumi benua kecil India. Kemudian usaha akan dibuat untuk meninjau peranan nasionalisme dalam perjuangan rakyat pribumi untuk membebaskan diri daripada cengkaman penjajahan asing. Asal-usul gerakan nasionalisme India, perpecahan antara kaum Hindu dan Islam, penglibatan rakyat jelata dalam Kongres Kebangsaan India dan Liga Muslim serta tindakbalas pihak berkuasa British akan diberi liputan yang terperinci dengan tujuan memperolehi satu kefahaman yang asas mengenai cara India dan Pakistan mencapai kemerdekaan dalam tahun 1947.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan tentang ancaman penjajahan British di India
- menjelaskan tentang masalah nasionalisme di kalangan penganut Hindu dan umat Islam serta perjuangan kemerdekaan India
- menghuraikan perkembangan dalam aspek sejarah pembaharuan di kalangan umat Islam dan pembentukan Pakistan
- menilai peranan imperialisme British dan nasionalisme India/Pakistan dalam pembentukan sejarah moden benua kecil India

### **JMS 414/3 – SEJARAH CHINA MODEN**

Secara umumnya kursus ini menumpukan perhatian kepada persoalan-persoalan asas yang berkaitan dengan sejarah negara dan masyarakat Cina dari kira-kira pertengahan abad ke-19 sehinggalah kematian Mao Dze-Dong pada 1976. Antara persoalan utama yang dibincangkan ialah pemberontakan-pemberontakan anti-revolusi 1911 dan persaingan antara KMT dan PKC serta pergolakan kepimpinan dalam parti-parti itu dan kemunculan negara komunis pada 1949.

Antara perkara yang diberi perhatian termasuk soal pertentangan/ penyesuaian nilai lama dan baru terutama di kalangan golongan terpelajar dan berpengaruh dalam menghadapi cabaran abad ke-19 dan ke-20; kebangkitan-kebangkitan menentang pemerintah dan perebutan kuasa di dalam dan di antara beberapa kelompok yang bersaing; dan pembaharuan/perubahan yang tercetus akibat daripada keadaan politik, sosial dan ekonomi yang wujud dalam tempoh waktu yang dikaji.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan persoalan-persoalan asas yang berkaitan dengan sejarah negara dan masyarakat Cina dari pertengahan abad ke-19 sehinggalah kematian Mao Dze-Dong pada tahun 1976
- menerangkan pemberontakan-pemberontakan yang tercetus dalam pemerintahan dinasti China
- menganalisa pertentangan nilai baru dan lama hingga mencetuskan kebangkitan penentangan di kalangan pelajar
- menilai dan mengambil ikhtibar tentang persaingan politik antara KMT dan PKC serta pergolakan kepimpinan politik sehingga kemunculan negara komunis pada tahun 1949

### **JMS 417/4 - PENSEJARAHAN BARAT DAN TIMUR**

Kursus ini merupakan tinjauan secara perbandingan antara penulisan sejarah di Barat dan Timur, atau Eropah dan Asia. Mengenai pensejarahan Barat, ia bermula dengan Zaman Klasik yang meninjau tentang pensejarahan Greek (Herodotus, Thucydides) dan

Rom (Sallust, Livy, Tacitus, dan lain-lain). Ini diikuti oleh Zaman Pertengahan (Africanus, Eusibius, St. Augustine, dan lain-lain), dan akhirnya pensejarahan moden, yang dimulai dengan abad Renaisans, Abad Pencerahan hinggalah kepada peranan tokoh-tokoh seperti Ranke dan Marx dalam zaman moden.

Mengenai pensejarahan Timur, tinjauan akan dilakukan terhadap penulisan sejarah Cina (Ssu-ma Chien), penulisan sejarah Islam (al-Mas'udi, al-Tabari, Ibn Khaldun, dan lain-lain), dan pensejarahan Melayu, yang dimulai dengan teks *Sejarah Melayu* dan historiografi negeri-negeri Melayu lainnya. Memandangkan penulisan sejarah di Timur tumbuh dan berkembang dalam "ruang dan waktu" yang tersendiri, maka ia mempunyai tradisi dan ciri-ciri yang tersendiri dan berbeza. Namun sebagai kajian perbandingan, sudah tentu wujud unsur dan nilai yang sama dan universal.

### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menerangkan perkara-perkara yang dikaji dalam pensejarahan Barat dan Timur
- menyenaraikan ciri-ciri utama pensejarahan Barat dan Timur
- menerangkan ruang lingkup pensejarahan Barat dan Timur
- membezakan antara pensejarahan Barat dan Timur
- mengenal pasti hasil-hasil kajian sejarah di dunia Barat dan Timur untuk dijadikan sebagai rujukan dan teladan

### **JMS 515E/4 - HISTORY OF THE UNITED STATES OF AMERICA**

*This course is designed for higher level undergraduate students who have not been exposed to any American history course. As such, discussion on the history of the United States of America will be started from the "beginning" of American history, i.e. the discovery of America by Columbus, followed by its formation into one of the British colonies and, its becoming a destination of choice to which people seeking religious freedom would emigrate especially from Europe. The discussion continues with unification of thirteen founding states and their independence from Britain, the Civil War and westward expansion.*

*In this course, the American policy which was supposed to be influenced by the Jews will also be discussed. Certain question will be discussed, is it true that the US policy of discriminating the Red Indians and the Blacks had made them rich? Is it true this nation is the biggest in-debt nation in the world and also as the biggest consumer of the world wealth? Is it true that in its foreign's policy the US is trying to saveguard its image by becoming the world's police as shown in the case of Panama, Haiti and Bosnia.*

*Although this course will be presented in a chronological way, but in certain important topics like the revolution and the constitution of the US, it will be discussed in depth. Because of that, this course will be laid in the thematic way. Certain writings of this topic like the Latham, Earl(ed), *The Declaration of Independence and the Constitution, 1796*, and the authorship of DiClericom, Robert E. and Allan S.Hammock (eds.), *Points of View, 1992* will be the example for reference.*



## **Learning outcomes**

*Upon completion of this course, students should be able to:*

- *explain the basic narrative of American History: political, economic, social and cultural, including knowledge of unity and diversity in American society*
- *elaborate on American History before 1865, and how that history changed over time*
- *describe major events and trends in American history*
- *apply their knowledge of American history to examine contemporary American issues*
- *explain the America's evolving relationship with the rest of the world*

## **JMS 516/4 - SEJARAH SOSIO-POLITIK MALAYSIA: GERAKAN PROTES**

Kursus ini akan mengkaji tentang sejarah gerakan protes di Malaysia pada abad ke-19 dan awal abad ke-20. Gerakan-gerakan ini meliputi gerakan politik, agama dan sosio-ekonomi. Sejarah protes wujud sebelum dan semasa penjajahan. Pada zaman sebelum penjajahan pelbagai bentuk protes boleh dikesan sama ada oleh golongan elit atau rakyat. Ini termasuklah pemberontakan, penghijrahan, amuk, penulisan dan sebagainya. Pada abad ke-19, wujud penjajahan Siam di Negeri-negeri Melayu Utara dan penjajahan Inggeris di Negeri-negeri Selat dan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Demikian juga wujudnya penjajahan di Sarawak dan Sabah. Kursus ini akan meninjau tentang tindakan balas masyarakat tempatan dalam gerakan anti penjajahan. Tidak kurang pentingnya juga ialah gerakan agama, buruh dan komunis, kegelisahan sosial petani di Kelantan dan Terengganu juga akan diteliti. Demikian juga tentang pakatan sulit dan bandit sosial.

Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan ialah: protes dalam konteks sejarah Malaysia; protes sebelum penjajahan; kebangkitan Nanning, 1830-31; pemberontakan Kedah, 1821-42; gerakan anti British di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang; gerakan anti British di Sarawak; pemberontakan Mat Salleh di Sabah; kebangkitan petani di Kelantan dan Terengganu; bandit sosial; protes bercorak keagamaan pada awal abad ke-20; buruh dan komunis dalam konteks sejarah protes di Malaysia.

## **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menjelaskan tentang hubungan gerakan protes dalam sejarah Malaysia
- membincangkan tentang golongan bawahan dan peranan mereka dalam perjalanan sejarah Malaysia
- menerangkan tentang gerakan-gerakan protes bercorak tradisi dan moden
- menilai dan mengambil iktibar terhadap gerakan-gerakan protes yang berlaku dari sudut kesan-kesannya ke atas sejarah Malaysia

### **JMS 517/4 – REVOLUSI INDUSTRI: PENGALAMAN BRITAIN, 1760-1945**

Kursus ini mengkaji titik tolak Britain ke arah sistem ekonomi moden. Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada isu-isu utama seperti penyebab Revolusi Industri, perkembangan perindustrian, dan kesan sosial ekonomi Revolusi Industri. Struktur kursus adalah berdasarkan pendekatan tematik dengan membincangkan tema-tema utama seperti politik, falsafah, gender, kelas, dan perhambaan.

#### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- mengenalpasti faktor-faktor Revolusi Industri di Britain
- menghuraikan perubahan-perubahan sosial ekonomi yang dialami oleh Britain akibat daripada Revolusi Industri
- menganalisa kepentingan Revolusi Industri kepada masyarakat sedunia
- menafsirkan sama ada Revolusi Industri meningkatkan taraf hidup para pekerja atau memburukkan keadaan para pekerja

### **JMS 528/4 - SEJARAH: KAJIAN TEMPATAN**

Kursus ini bertujuan membolehkan para pelajar memahami dan membuat penyelidikan, dengan memberi pendedahan kepada kaedah-kaedah untuk tafsiran dan kritikan sumber pada dokumen-dokumen sejarah. Bahan-bahan yang digunakan dalam kursus ini termasuklah manuskrip lama, hikayat, akhbar, rekod-rekod rasmi kerajaan, surat-surat peribadi, sumber lisan, memoir dan sebagainya. Sumber-sumber yang dipilih adalah dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris (tulisan Jawi dan Rumi). Dokumen-dokumen pilihan meliputi jangka masa 1800 - 1946 dan mencakupi sejarah politik dan sosio-ekonomi. Kursus ini akan disampaikan melalui modul, kaset, video dan seminar telesidang.

#### **Hasil Pembelajaran**

Selepas mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat:

- menggunakan secara bijaksana sumber-sumber utama dan kaedah dalam penyelidikan sejarah
- membentangkan secara lisan tentang penyelidikan yang dijalankan
- mengaplikasikan teknik penulisan sejarah dalam menyediakan mini tesis
- menghasilkan penyelidikan sejarah yang objektif dan memberi manfaat kepada masyarakat
- mengorganisasikan penyelidikan secara sendiri